



# قليتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 35 BILANGAN 29

RABU 18 JULAI, 1990.

رابعو 24 ذوالحجه 1410

PERCUMA

*Dirgahayu Kebawah Duli Tuan Patik*

*Allah Selamatkan Kebawah D.Y.M.M.*

**Kaji dan  
kenal pasti  
kesulitan  
rakyat  
— titah**

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai.  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini mengingatkan pihak-pihak berkenaan dalam kerajaan baginda mengkaji dan mengenal pasti kesulitan-kesulitan rakyat khususnya yang berpendapatan rendah dalam mendapatkan keperluan asas yang mereka perlukan.

Baginda bertitah, di antara keperluan-keperluan asas rakyat dan penduduk itu ialah perumahan yang mana dalam hubungan ini, skim perumahan bagi rakyat yang tidak mempunyai tanah adalah merupakan jawapan yang positif kepada masalah tersebut.

Lihat muka 14



**Disiplin, bersopan santun, pemedulian dan dedikasi diperlukan**

**Tingkatkan ketahanan nasional — titah**

## PETIKAN TITAH

“BETA ingin mengingatkan kepada semua ketua jabatan dan pegawai-pegawai kerajaan, khususnya mereka yang terlibat secara langsung dalam mentadbirkan perbelanjaan-perbelanjaan kerajaan, supaya akan terus mengamalkan sikap berjimat cermat dan lebih berhati-hati, serta sentiasa menunjukkan sikap berdisiplin dalam perbelanjaan semasa merancang dan melaksanakan sesuatu projek itu.”

Diititah di Istiadat Mengadap bersempena ulang tahun hari keputeraan baginda yang ke-42, di Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan pada 15 Julai, 1988.

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai.  
— Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, rakyat dan penduduk yang berdisiplin, bersopan santun dan penuh pemedulian serta sentiasa bersikap dedikasi dan mempunyai komitmen kepada tanggungjawab dan tugas masing-masing adalah diperlukan negara bagi mencapai hasrat untuk meningkatkan ketahanan nasional dalam menghadapi berbagai cabaran sosial dan ekonomi dunia di abad ke-21.

LIPUTAN OLEH  
ABD. KARIM HAB DAN  
BOLHASSAN HAB

“Adalah menjadi hasrat beta untuk meningkatkan ketahanan nasional dalam menghadapi berbagai cabaran sosial dan ekonomi dunia di abad ke-21,” titah baginda di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran sempena ulang tahun keputeraan baginda yang ke-44 di Balai Singgahsana Istana Nurul Iman hari ini.

Lihat muka 14

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam ketika berangkat di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran di Balai Singgahsana Istana Nurul Iman.

## MANISNYA IMAN

“DAN Dialah Allah, tiada Tuhan melainkan Dia. Segala puji tertentu bagi-Nya, di dunia dan di akhirat; dan hanyalah Dia yang berkuasa menghukum, serta kepada-Nyalah kamu semua dikembalikan.”  
(Maksud ayat 70 Surah Al-Qasas).





**Pelita Brunei**  
INFORMASI PADA SETAP SETAP HARI RABU

18 JULAI, 1990

Dengan nama Allah yang Maha  
Pemurah dan Maha Penyayang

## AZIMAT BANGSA DAN NEGARA

**D**ALAM menikmati kehidupan yang amat bertuah di bumi darussalam ini, tentu masing-masing rakyat dan penduduk telah mempunyai analisa tentang bagaimana atau apa puncanya kenikmatan hidup yang begitu tinggi dapat kita nikmati secara berterusan melalui kejayaan dan kemajuan yang kita capai dari berbagai sudut dan aspek kehidupan.

Masing-masing memang telah mempunyai jawapannya sendiri. Tetapi kita yakin ramai yang telah membuat jawapannya begini: Kerana orang-orang Brunei taat kepada raja, taat beragama dan bersopan santun. Ketiga-tiga faktor itu membawa kepada kehidupan yang mulia, sedang kehidupan yang mulia itu diberkati oleh Allah Subhanahu Wataala, bagi kehidupan yang diberkati pula tidak ada yang menanti melainkan kejayaan, kebajikan dan kebahagiaan.

Mungkin ada pihak yang tidak setuju dengan faktor-faktor tersebut. Itu tidak menghairankan kita, kerana mungkin mereka tidak berpijak di bumi yang nyata. Taat kepada raja adalah suatu kewajiban, kerana raja adalah ketua negara yang diamanahkan oleh Allah untuk memimpin rakyat ke arah kehidupan yang sempurna. Taat beragama pula adalah kewajiban yang mutlak bagi setiap insan, kerana agama adalah panduan dan pegangan hidup yang menentukan corak kehidupan seseorang itu menurut yang diredai oleh Allah.

Bersopan santun pula adalah gerak laku kita menjalani kehidupan itu dengan mengamalkan sifat dan sikap yang murni, mulia lagi terpuji. Yang korek kundi, yang merah saga, yang baik budi, yang indah bahasa. Rangkai-kata ini menggambarkan sebahagian daripada ciri-ciri kehidupan bersopan santun itu. Ia sebenarnya merangkumi aspek-aspek kehidupan yang berkebaikan, seperti tolong-menolong, bekerjasama, hormat-menghormati, awar galat, tidak camah mata, tidak berat mulut dan seumpamanya.

Faktor-faktor itu telah kita warisi sejak sekian lama dan seterusnya kita hayati sehingga menjadi darah daging kita orang-orang Brunei — dan itulah hidup kita — yang selama ini membawa keamanan, kesejahteraan, kemajuan dan kemakmuran. Lantas tergamakkah kita menodai ciri-ciri kehidupan sedemikian itu lalu menggantikannya dengan yang baru, moden atau kononnya tamadun mutakhir.

Tetapi bangsa yang berpendirian sendiri, yang bermaruah dan tegas terhadap kepentingan bangsanya, tidak semudah itu merelakan sumber dan asas kebahagiaan bangsa dan negaranya ditukar ganti dengan unsur-unsur yang lemah seperti budaya kotor atau budaya pak turut yang matlamatnya membawa kerosakan dan kehinaan kepada bangsa dan negara. Sikap yang sedemikian itu bukan saja seperti kacang lupukan kulit atau tidak tahu mengenang budi, tetapi juga sangat merbahaya kepada kestabilan negara.

Lalu kita bulatkan tekad dan azam untuk mengamalkan sepenuhnya ciri-ciri kehidupan bersopan santun sama ada di kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan, orang ramai dan juga swasta. Pihak-pihak berkenaan harus meningkatkan latihan dan bimbingan secara berterusan untuk memahirkan amalan tersebut.

Kita memang sudah tidak wajar membuat pilihan lain, kerana kehidupan taat kepada raja, taat beragama dan bersopan santun itu telah terbukti memberi kekuatan, kemantapan dan kesejahteraan kepada kita. Itulah azimat bangsa dan negara yang mesti sentiasa dipupuk dan disemai agar ia hidup subur dan berkesan di setiap lapisan masyarakat di negara ini. Dengan cara yang demikian, insya Allah kita akan terus kekal menjadi sebuah bangsa dan negara yang merdeka, maju jaya, berwibawa dan dihormati.

## Mewujudkan kestabilan sosial, politik negara

# SIKAP PERSEFAHAMAN PERLU DIPUPUK ANTARA KERAJAAN, SWASTA DAN ORANG RAMAI

BISMILLAHIR RAHMANIR  
RAHIM

Assalamualaikum Warah-  
matullahi Wabarakatuh

**A**LHAMDULILLAH, segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala seru sekalian alam, selawat serta salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, sahabat-sahabat dan para pengikut baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Beta bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah rahmat dan hidayah-Nya jua telah mengizinkan kita sekali lagi hadir beramai-ramai di istiadat yang permai pada hari ini.

Beta dengan tulus ikhlas ingin mengucapkan terima kasih dan mencatatkan penghargaan kepada semua dif-dif yang hadir, dan kepada semua pihak yang telah menghantarkan utusan-utusan ucap selamat sempena sambutan perayaan ini.

Beta berdoa semoga Allah Subhanahu Wataala akan mengurniakan balasan yang setimpal di atas ingatan baik dari semua pihak yang berkenaan itu.

Dengan berkat perlindungan Allah Subhanahu Wataala, kita di Negara Brunei Darussalam telah

itu, adalah penting bagi segenap rakyat dan penduduk di negara ini untuk mempunyai kesedaran, betapa mustahaknya hidup bersatu padu dan bersefahaman serta hormat-menghormati di antara satu dengan lain.

Yang paling utama ialah sikap bertolak ansur dan hormat-menghormati perlu terus dipupuk di antara pihak kerajaan, swasta dan orang ramai. Kerana tanpa persefahaman di kalangan pihak-pihak yang beta nyatakan itu, ianya tidak akan dapat mewujudkan kestabilan sosial dan politik mahupun juga kelincinan di dalam melaksanakan rancangan-rancangan kemajuan dan pembangunan.

Begitu juga, tanpa tolak ansur dan kesediaan untuk bermuafakat, akan menimbulkan suasana keruh dan syak wasangka yang merugikan, yang boleh menggugat keselamatan dan kestabilan negara ini.

Oleh kerana itu, amatlah perlu bagi ketiga-tiga pihak iaitu kerajaan, swasta dan orang ramai, mengamalkan sikap berterus terang secara ikhlas dan jujur yang membina di dalam menyelesaikan dan mengatasi apa jua masalah.

Adalah menjadi hasrat beta untuk meningkatkan ketahanan nasional dalam menghadapi berbagai cabaran sosial dan ekonomi dunia di abad ke-21. Maka untuk mencapai hasrat ini, negara adalah memerlukan rakyat dan penduduk yang berdisiplin, bersopan santun dan penuh pemedulian, serta sentiasa bersikap dedikasi dan mempunyai komitmen kepada



**TITAH** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena hari keputeraan baginda yang ke-44 tahun di Balai Singgahsana, Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan pada 15 Julai, 1990.

nilai yang positif untuk menjamin masa depan rakyat di negara ini, adalah perlu supaya soal latihan dan bimbingan untuk mereka diambil perhatian yang sewajarnya.

Latihan dan bimbingan yang beta maksudkan itu haruslah dilaksanakan secara berterusan untuk semua golongan masyarakat, khusus bagi belia-

kerajaan adalah menitikberatkan pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan dan kemajuan iaitu menurut keutamaan dan kepentingan-kepentingan asas rakyat serta penduduk negara ini.

Di antara keperluan-keperluan asas rakyat dan penduduk itu, ialah perumahan, maka di dalam hubungan ini, skim perumahan bagi rakyat yang tidak mempunyai tanah adalah merupakan jawapan yang positif kepada masalah tersebut. Cuma tinggal saja lagi, sejauh manakah pelaksanaan rancangan itu telah dapat mengatasi kesulitan-kesulitan rakyat, mestilah juga dikaji dan dikenal pasti, umpamanya tentang golongan-golongan yang berpendapatan rendah, yang kurang ataupun tidak berupaya langsung untuk memenuhi syarat-syarat yang dikenakan, apakah tidak mustahak bagi pihak-pihak berkenaan di dalam kerajaan menambahkan kajian dan penelitiannya lagi, sehingga kesulitan-kesulitan rakyat itu benar-benar dapat diuraikan dengan saksama dan berkesan.

Demikian juga keperluan asas seperti pembinaan dan pemeliharaan jalan-jalan raya, adalah amat mustahak ianya diawasi dari masa ke semasa, supaya terjamin ketahanan dan kebersihannya. Jalan-jalan raya

**ORANG-ORANG yang diamanahkan dengan tanggungjawab dan kewajiban, sama ada dalam kerajaan mahupun dalam masyarakat pada amnya, hendaklah mempunyai semangat bekerjasama yang kukuh sambil berusaha melenyapkan perasaan mementingkan diri sendiri.**

dikurniakan keselamatan serta suasana aman dan tenteram, yang mana membolehkan kita untuk meneruskan berbagai usaha dan rancangan bagi kemajuan serta kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Kita hendaknyalah memanfaatkan sepenuhnya keselamatan dan ketenteraman yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wataala itu bagi memperingkatkan lagi kemajuan dan pembangunan negara sama ada di pihak kerajaan mahupun di pihak swasta.

Bagi memastikan penerusan pencapaian kemakmuran dan pembangunan yang kita hajati

tanggungjawab dan tugas masing-masing.

Di dalam konteks ini, orang-orang yang diamanahkan dengan tanggungjawab dan kewajiban, sama ada dalam kerajaan mahupun dalam masyarakat pada amnya, hendaklah mempunyai semangat bekerjasama yang kukuh sambil berusaha melenyapkan perasaan mementingkan diri sendiri.

Hanya dengan semangat bekerjasama di antara satu dengan yang lain saja, kita akan dapat melahirkan masyarakat yang bersatu padu dan harmoni.

Bagi pembentukan masyarakat yang mempunyai nilai-

belia dan pegawai-pegawai serta kakitangan kerajaan, dan juga pihak swasta, dan dilartakan juga kepada penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung.

Dengan adanya latihan dan bimbingan yang menekankan ciri-ciri hidup berdisiplin, beradat-lembaga dan beragama, akan dapat melengkapkan lagi belia-belia dan generasi-generasi muda kita untuk menghadapi cabaran-cabaran masa depan dan seterusnya untuk mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan bangsa dan negara serta kesucian agama.

Menyentuh mengenai degan pembangunan negara,

**LIHAT MUKA 10**





PEMANGKU Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Talib bin Datu Hulubalang Haji Abdul Wahab ketika merasmikan majlis mesra Hari Raya Aidiladha bagi anak-anak yatim di Kampung Sungai Mau. — Gambar oleh Masmaleh HMA.

## ANAK-ANAK YATIM DISERU JAUHI GEJALA YANG TIDAK SIHAT

KUALA BELAIT, 4 Julai. — Anak-anak yatim diseru agar menjauhkan diri daripada terpengaruh dengan gejala-gejala yang tidak sihat dan tidak diingini oleh masyarakat.

Sikap dan sifat yang tidak disenangi oleh masyarakat boleh merosakkan serta menggelapkan hari depan seseorang baik dari segi mata pencarian, peluang mencari pekerjaan mahupun dalam menjalani hidup yang tidak lepas dari saling bergantung antara satu dengan yang lain.

Pemangku Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Talib bin Datu Hulubalang Haji Abd. Wahab berucap demikian di majlis mesra anak-anak yatim sempena menyambut Hari Raya Aidiladha anjuran Persatuan PERTIWI Bahagian Kampung Sungai Mau di kawasan tamu Kampung Sungai Mau, Bukit Sawat.

Menyadari akan hakikat ini tambah beliau, penjaga anak-anak yatim dan seluruh kita yang mempunyai tanggungan

Oleh  
Dk. Saidah POA

yang tergolong dari kalangan muda belia semestinya lebih bersikap terbuka dalam menasihati dan memata-matai akan setiap gerak-geri anak-anak itu yang menimbulkan kecurigaan dalam diri kita agar keadaan yang tidak diingini tidak akan terjadi.

"Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa mengambil perhatian berat akan hal ehwal kebajikan rakyatnya termasuklah kalangan anak-anak yatim, orang-orang cacat, orang-orang yang kurang bernasib baik dan seumpamanya," ujar beliau.

Sejajar dengan itu kata beliau Lembaga Tabung Derma Anak-Anak Yatim Daerah Belait telah mengungkahkan Skim Pelajaran Terbaik

bagi anak-anak yatim yang menunjukkan kecemerlangan di bidang pelajaran.

"Mereka yang mendapat keputusan terbaik di dalam peperiksaan BJCE, PCE dan darjah enam agama akan mendapat hadiah penghargaan berupa kewangan," ujar beliau.

Usaha yang dibuat itu bertujuan untuk menggalakkan anak-anak yatim agar lebih gigih dan tekun serta terus maju di bidang pelajaran masing-masing, terang beliau.

Seramai 40 orang anak-anak yatim yang tinggal di kawasan itu menghadiri majlis tersebut. Majlis tersebut diserikan dengan persembahan tarian, nyanyian serta mini sukan oleh para penduduk di kawasan itu.

Antara lain tujuan majlis tersebut diadakan ialah untuk menjalin hubungan mesra di kalangan anak-anak yatim sambil memupuk perasaan mesra dan sayang kepada masyarakat, bangsa dan negara.

## PENGUNAAN PELEKAT PANCAR BALIK AKAN DITELITI

JABATAN Laut terlebih dahulu mengucapkan terima kasih di atas cadangan JERY. Surat beliau sedang diteliti oleh Jabatan Laut dan surat itu juga akan dihadapkan kepada pihak Lembaga Melesen Perkapalan Pedagang untuk mendapatkan pandangan-pandangan mereka.

Walau bagaimanapun isu yang tidak kurang pentingnya sekarang ialah berhubung dengan jumlah perahu-perahu tambang yang berlesen. Setakat ini sejumlah 460 buah permit kebenaran menambang telah pun dikeluarkan oleh pihak Lembaga Melesen Perkapalan Pedagang bagi perkhidmatan menambang di Kampung Ayer. Dari jumlah tersebut hanya 103 sahaja yang melesenkan perahu-perahu mereka. Ini membuat pengawalan belum dapat dibuat sepenuhnya dan me-

nyulitkan untuk melaksanakan sesuatu perkara yang baru.

Berhubung dengan menaruh pelekats pancar balik di perahu-perahu tambang, Jabatan Laut akan meneliti praktikalitinya kerana setakat ini tidak ada kapal yang ditaruh pelekats pancar balik. Ini memandangkan pelekats tersebut memerlukan suluh lampu yang betul sudutnya bagi membolehkan ianya kelihatan. Memandangkan keadaan di air tidak sama dengan keadaan di darat, keupayaan fungsi pelekats pancar balik adalah diragukan. Selain dari sudut pancaran yang betul diperlukan, sesebuah perahu itu juga berkeadaan terumbang-ambing disebabkan oleh ombak.

Jabatan ini khuatir jika perahu-perahu tambang di-


arahkan memasang pelekats pancar balik dan didapati kesannya tidak memuaskan, ia akan menjadi sungutan orang ramai. Yang lebih penting dalam soal ini ialah setiap perahu mestilah dilengkapi dengan lampu-lampu yang menyala setiap masa di waktu malam, tidak kira sama ada ianya sedang berjalan atau berhenti.

**BOLKINI BIN HAJI ABD. RAHMAN**  
Pegawai Laut,  
b.p. Pengarah Laut,  
Negara Brunei Darussalam.

**L**ANGKAH kerajaan mengarahkan semua perahu penambang memasang lampu pada waktu malam adalah diilau-alukan bagi memudahkan pengguna-pengguna lain mengetahui setiap perahu yang lalu-lalang.

Tetapi sekiranya perahu tersebut rosak ia akan terapung-apung dan mungkin tidak akan dapat dilihat oleh pemandu-pemandu perahu yang lain. Untuk mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku saya syorkan setiap perahu penambang memasang pelekats, 'Pancar' balik (reflector) sama ada warna kuning atau hijau sekurang-kurangnya sebesar 12 mm di kiri dan kanan dan depan dan belakang perahu supaya mudah dilihat oleh pengguna yang lain.

JERY



## Bekalan air sering terputus

**S**EMUA orang tahu air adalah sebahagian dari kehidupan kita mulai sejak lahir hinggalah kita meninggal dunia.

Flat Jalan Sentosa yang terletak di atas Bukit Sentosa di tengah ibu kota memang 42 keluarga tidaklah senyaman dan seindah namanya sejak lebih kurang setahun kebelakangan ini. Kerana bekalan airnya sering terputus di waktu tengah hari dan waktu Maghrib.

Beberapa orang penghuni flat berkenaan telah beberapa kali membuat aduan kepada Bahagian Air, Jabatan Kerja Raya tetapi kejadian itu masih juga berlarutan.

Yang menghairankan, bekalan air itu terputus pada waktu penduduk di sana benar-benar memerlukan air, seperti waktu tengah hari dan waktu hendak menunaikan

sembahyang dan bekalan air akan "tersambung" semula ketika para penghuni sudah tidur tanpa mandi.

Oleh kerana keadaan ini telah berlaku sekian lama, maka kami di Flat Sentosa hari-hari terpaksa berjaga-

jaga kerana tidak mahu terpedaya dengan bekalan air yang terputus tidak tentu lamanya yang mana paling minima empat jam dan kadangkala berlaku dua kali sehari.

**KEMARAU PANJANG.**

**M**ASALAH yang ditimbulkan oleh KEMARAU PANJANG adalah merupakan masalah biasa yang dihadapi seperti juga pengguna-pengguna air yang tinggal di tempat tinggi. Ini adalah disebabkan pemakaian bekalan air pada masa waktu tertentu (peak hours) adalah lebih banyak daripada pemakaian biasa. Apabila ini berlaku sukar bagi air yang membekal ke kawasan ini akan turun dengan cepat sehinggalah tidak terdapat tekanan air kepada kawasan-kawasan yang tinggi.

Oleh yang demikian adalah dinasihatkan supaya pengguna-pengguna air yang tinggal di kawasan yang berkenaan supaya akan dapat menyimpan bekalan air seberapa banyak yang boleh apabila air diterima (off peak hours).

**ABDUL MAJID ALIAS**  
b.p. Setiausaha Tetap,  
Kementerian Pembangunan,  
Negara Brunei Darussalam.

## 20 peserta menerima sijil

**KUMBANG PASANG, 30 Jun.** — Kursus empat hari bagi pengawas-pengawas Jabatan Kemajuan Perumahan telah berakhir dengan penyampaian sijil di sini.

Seramai 20 orang peserta kursus telah menerima sijil-sijil mereka yang disampaikan oleh Timbalan Pengarah Kemajuan Perumahan, Awang Abdul Majid bin Alias di Unit Latihan Pejabat Perumahan.

Ianya merupakan kumpulan kedua yang menyertai kursus seumpama itu, manakala 23 orang pegawai telah pun menghadiri kursus yang sama.

Kursus itu antara lain bertujuan untuk memberikan pengetahuan mengenai tanggungjawab dan tugas mereka dalam mengawasi projek-projek perumahan kerajaan yang sedang dijalankan.







KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima mengadap Duta Besar Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Tuan Gregor Koebel.

## Berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 10 Julai. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Duta Besar Republik Persekutuan Jerman yang akan menamatkan perkhidmatannya ke negara ini Tuan Yang Terutama Tuan Gregor Koebel.

Istiadat mengadap tersebut telah berlangsung di Istana Nurul Iman di sini pada hari Isnin lepas.

Tuan Yang Terutama Tuan Gregor Koebel telah menamatkan perkhidmatannya kelmarin setelah menyandang jawatan Duta Besar Republik Persekutuan Jerman ke negara ini sejak bulan Oktober 1988.

Tuan Yang Terutama yang kini berusia 43 tahun adalah lulusan bidang undang-undang dan sejarah lukisan dan merupakan Duta Besar Republik Persekutuan Jerman yang kedua ke negara ini sejak negara tersebut menubuhkan kedutaannya di sini sejak tahun 1985.

Setelah menamatkan perkhidmatannya sebagai Duta Besar ke negara ini Tuan Yang Terutama dijangka akan terus berkhidmat dengan Kementerian Luar negaranya di Bonn.

Hadir sama di istiadat mengadap tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abd. Aziz, Grand Chamberlain dan Yang Amat Mulia Pengiran Sangamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu, Timbalan Menteri Pertahanan.

## Pesuruhjaya Tinggi India diterima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 12 Julai. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi India ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tuan Preet Mohan Singh Malik di Istana Nurul Iman di sini, hari ini.

Tuan Yang Terutama akan menamatkan perkhidmatannya sebagai Pesuruhjaya Tinggi India ke negara ini setelah menjawat jawatan tersebut sejak Disember 1986.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam berkenan menerima mengadap Puan Aruna Malik, isteri Tuan Yang Terutama di Istana Nurul Iman dan di Istana Nurul Izzah.

Pada 14 Julai lepas, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menerima kunjungan perpisahan Tuan Yang Terutama Tuan Preet Mohan Singh Malik, Pesuruhjaya Tinggi India ke negara ini di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Dalam kunjungan itu, Duli Yang Teramat Mulia dan Tuan Yang Terutama telah membincangkan beberapa perkara berhubung dengan isu-isu hubungan dua hala dan juga serantau.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Tuan Preet Mohan Singh Malik, Pesuruhjaya Tinggi India ke negara ini.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ketika berkenan menerima mengadap Puan Aruna Malik, isteri Pesuruhjaya Tinggi India di Istana Nurul Iman.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam ketika berkenan menerima mengadap Puan Aruna Malik, isteri Pesuruhjaya Tinggi India di Istana Nurul Izzah.




# BERKENAN BERANGKAT SAKSIKAN PAMERAN KACA DAN KRISTAL ANJURAN KEDUTAAN PERANCIS DAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam ketika berkenan menyaksikan koleksi kristal dari St. Louis dan Hermis dari Perancis di majlis jamuan teh yang berlangsung di Hotel Sheraton Utama di Ibu negara (kanan).

GAMBAR kiri Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam berkenan menerima penerangan mengenai kaca dan kristal ciptaan St. Louis dari Perancis. Juga kelihatan ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam berkenan menerima cenderamata yang dipersembahkan oleh Kedutaan Perancis di negara ini, sejurus setelah Duli Yang Teramat Mulia merasmikan Pameran Kaca dan Kristal anjuran kedutaan itu sempena dengan Jubli Perak Jabatan Muzium-Muzium Brunei. Kelihatan gambar atas cenderamata tersebut telah disembahkan ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia oleh Duta Besar Perancis ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan M. Patrick Amiot.



DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan menyaksikan koleksi kristal yang dicipta dengan bentuk kepala kuda yang dipamerkan di Muzium Brunei (atas).

Gambar-gambar oleh Halim HS, Pengiran Kamaluddin dan Amat Moksin



WAKIL Hermis dari Singapura ketika menyumbangkan cek yang didermakan untuk Tabung Kanak-Kanak Cacat (KACA) ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam. Derma tersebut disumbangkan oleh Saint Louis dan Hermis.

SEMENTARA gambar kanan berangkat menyaksikan pameran kristal di Hotel Sheraton Utama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Norain, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah.





YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS .... Siri ke-546

# TAREKAT DAN TASAWUF

HADIS-HADIS yang datang dalam perkara Al-Mahdi Al-Muntazhar itu sangat banyak dan Mutawwir. Di antara hadis-hadis shahih, dan banyak hadis-hadis yang dha'if, dan lebih banyak adalah hadis-hadis dha'if, tetapi hadis-hadis dha'if dan banyak itu dan banyak pula rawi-rawinya, dan banyak ulama yang meriwayatkan, maka hadis-hadis dha'if itu menyokong setengah akan tengahnya sehingga hadis-hadis itu memberi erti jazam dan pemutus dan jadi kuat boleh dijadikan dalil.

Tetapi suatu perkara yang dijazamkan dan diputuskan oleh ulama, bahawa tiada dapat tiada bahawa Al-Mahdi Al-Muntazhar itu akan keluar, dan dia dari keturunan Sayidatina Fathimah Radiallahuanha, dan dia memenuhi bumi ini dan alam dunia pada masanya itu dengan keadilan (sebagaimana dunia sebelum keluarnya itu penuh dengan kezaliman, aniaya dan penindasan bagaimana dalam hadis-hadis, sekarang pun pada masa kita ini alam ini sentiasa bergelora dengan berbagai-bagai bala dan penindasan).

Perkara Al-Mahdi Al-Muntazhar bagaimana di atas ini telah disebutkan oleh Al-Imam Al-Barzanji yang hidup dalam tahun 1040 Hijrah dan meninggal pada tahun 1130 Hijrah di Medinah Al-Munawwarah di dalam kitabnya bernama Al-Isyaa'ah dipepetik dari Al-Futuhaatu Al-Islamiah.

Hendaklah umat Islam mengetahui bahawa ilmu Islam itu dipimpin oleh ulama daripada Rasulullah, daripada sahabat, daripada Tabi'in, daripada lapisan kemudian terdiri daripada ulama-ulama besar, dari selapis ke selapis ulama hingga sampai

pada zaman kita ini, bukan dipimpin oleh ahli-ahli suratkhabar dan orang yang bergondol kepada meninggalkan syiar dan simbol Islam yang tiada mempunyai tahqiq cara Islam itu. Wallahu A'alam.

Bala diturunkan ke atas orang mukmin dan orang kafir dan perbezaan di antara keduanya

Menurut suatu hadis daripada Ka'bu bin Malek telah berkat, telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang artinya: Umpama orang mukmin itu seperti tumbuhan dari satu tanaman ditiup oleh angin, sekali ia bengkok dan sekali ia lurus tegak, begitu halnya sehingga ia menemui ajalnya kelak, dan umpama orang munafik (kafir munafik), seperti pokok Arzah yang teguh yang besar yang tiada sesuatu dapat mengenalnya, sehingga ia tumbang dengan sekaligus dan serta merta. Dari Sahih Al-Bukhari dan Muslim.

Dan di sana ada banyak nash-nash dan dalil-dalil yang menunjukkan bahawa sebab pada kebajikan orang-orang kafir dalam dunia, ianya dengan dibiarkan mereka oleh Allah Taala dengan kemewahan dengan sebab balasan di atas perbuatan-perbuatan mereka yang baik dalam dunia, maka tiap-tiap orang kafir yang membuat perkara yang baik, maka dibalas perbuatan-nya yang baik itu dan tiada diambil tindakan di atas dosa kufurnya itu semasa di dunia.

Adapun orang Islam, tiada dibiarkan dia sehingga segala dosa-dosanya yang kecil pun diambil tindakan ke atasnya, manakala orang-orang Islam bertambah-tambah dosa dan dera-

**Bahagian  
yang  
kedua puluh  
lapan**



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Haji Awang Ismail bin Omar Abdul Aziz, Muthi Kerajaan.

haka, mereka akan menemui berbagai-bagai bala dan angkara, tiada ada jalan bagi mereka untuk lepas dari bala dan angkara itu melainkan mereka menjauhi dosa dan kejahatan itu dan bertaubat serta kembali kepada Allah Taala dan hendaklah mereka menyuruh orang lain menjauhi akan dosa-dosa dan derhaka itu.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang artinya: Sentiasalah bala menimpa ke atas orang mukmin laki-laki dan orang mukminah perempuan pada dirinya, hartanya dan pada anak-anaknya, begitulah hal keadaannya sehingga ia menemui Allah Taala dan tiada sesuatu kejahatan yang ditanggungnya selepas itu.

Hadis ini diriwayatkan oleh Al-Imam At-Tirmidzi dan katanya hadis ini Hasan Sahih.

Wallahu A'alam  
(Bersambung).

## Harga barang keperluan sehari-hari

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Tutong, Kuala Belait dan Setia. Harga barang-barang berikut ini bermula pada 12 Julai, 1990.

| Jenama barang                    | Harga  | Nama Kedai                                                                 |
|----------------------------------|--------|----------------------------------------------------------------------------|
| Ubi Kentang<br>1 kilogram        | \$1.20 | Kim Seng Choon,<br>6, Jalan McArthur,<br>Bandar Seri Begawan.              |
|                                  | \$1.50 | Soon Lee Mini Mart,<br>1, Jalan Enche Awang,<br>Tutong.                    |
|                                  | \$1.50 | Koh Kit Hin,<br>28, Jalan Pretty,<br>Kuala Belait.                         |
|                                  | \$1.60 | Soon Kheng,<br>52, Jalan Bunga Kuning,<br>Seria.                           |
| Kari (Cap Tangan)<br>setin       | \$2.00 | A. Muthian<br>9, Jalan McArthur,<br>Bandar Seri Begawan.                   |
|                                  | \$1.95 | Soon Lee Mini Mart,<br>1, Jalan Enche Awang,<br>Tutong.                    |
|                                  | \$1.90 | Teo Hiang Hng,<br>45, Jalan Pretty,<br>Kuala Belait.                       |
|                                  | \$2.00 | Chung Fatt<br>17, Jalan Sultan Omar,<br>Ali, Setia.                        |
| Oren Sun Valley<br>750ml sebotol | \$2.00 | Thye Seng Department<br>Store,<br>B1 Jalan Robert,<br>Bandar Seri Begawan. |
|                                  | \$1.95 | Soon Lee Mini Mart,<br>1, Jalan Enche Awang,<br>Tutong.                    |
|                                  | \$1.90 | Teo Hiang Hng,<br>45, Jalan Pretty,<br>Kuala Belait.                       |
|                                  | \$1.95 | Poh Shing,<br>6, Jalan Sultan Omar Ali,<br>Seria.                          |

## Menuju Keredaan Allah

KELOLAAN  
PUSAT DA'WAH  
ISLAMIAH

"MASYARAKAT yang dicita-citakan oleh Islam itu ialah masyarakat yang penyabar. Masyarakat yang sentiasa melupakan kejahatan dan kesakitan yang diterimanya daripada saudaranya. Masyarakat yang sentiasa tahu meminta maaf dan bertaubat dengan selalu mengingat kesalahan diri sendiri."

DALAM mengharungi hidup berkeluarga dan hidup bermasyarakat, umat manusia tidak terlepas daripada berbuat kesilapan dan kesalahan yang akan dapat melukai atau menyakitkan perasaan orang lain. Di samping itu, tidak sunyi pula daripada berbuat kebajikan yang akan dapat mengembirakan hati orang lain sama ada perbuatan-perbuatan ini disengajakan atau tidak.

Ternyata apabila perkara ini terjadi, ianya akan menghasilkan dua natijah atau akibat dalam keluarga atau masyarakat. Pertama: Perselisihan dan kesalahfahaman yang akan menghilangkan rasa muhibah dan kasih sayang. Kedua: kerukunan dan keharmonian yang akan membuat masyarakat itu bahagia dan saling kasih mengasihi. Justeru itulah agama Islam sangat sangat mengharapkan supaya umatnya, iaitu dalam kehidupan sehari-hari, dapat mengamalkan empat konsep hidup bermasyarakat.

Pertama: Melupakan segala kesalahan atau kesakitan yang diterima daripada orang lain. Konsep ini apabila diamalkan akan dapat menyucikan hati daripada sifat benci, di samping akan menimbulkan sifat sabar. Walaupun, misalnya, dicaci dan difitnah, orang yang mencaci atau memfitnah itu tidak sepatutnya dicaci atau difitnah pula. Orang yang dicaci atau difitnah itu haruslah bersabar. Sebagai contoh, pintu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di Mekah pernah dilumuri orang dengan najis tetapi baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tidak membalasnya. Baginda hanyalah bersabar.

Kedua: Mengingat kesalahan dan kesakitan yang dilakukan terhadap orang lain. Konsep ini apabila betul-betul dihayati akan membuat hati sentiasa berjaga-jaga supaya jangan sampai dua kali terjerumus ke lembah kejahatan dan juga akan menimbulkan rasa segan dan ingin bertaubat serta minta maaf kepada orang yang disakiti. Dengan kata lain, agar orang yang disakiti itu tidak merasa benci dan sakit hati lantaran kesalahan dan kesakitan yang telah dilakukan terhadapnya, orang yang melakukan kesalahan itu mestilah minta maaf kepadanya.

Ketiga: Mengenal kebajikan orang lain. Konsep ini akan menanamkan rasa syukur dan terima kasih dalam hati. Ianya juga menimbulkan rasa ingin membalas kebaikan dan budi orang lain, iaitu jika tidak sanggup dengan harta benda cukuplah dengan ucapan terima kasih dan doa. Dengan demikian itu pula,

orang yang berbuat kebajikan atau kebaikan itu tidak akan henti-henti menabur jasa, tidak akan henti-henti berbuat baik dan kebajikan. Dari itu, kenanglah jasa orang lain sebagai tanda bersyukur kepada Allah Subhanahu Wataala kerana orang yang tidak berterima kasih kepada manusia sama seperti tidak bersyukur kepada Allah Subhanahu Wataala.

Keempat: Melupakan kebaikan sendiri. Konsep yang terakhir ini akan dapat mengikis rasa sombong dalam hati. Jika jasa dan kebaikan yang pernah dibuat dan ditaburkan selalu diingat dan dikenang samalah seperti kelakuan iblis yang tidak mahu sujud kepada Nabi Adam Alaihissalam kerana menganggap dirinya mulia dan banyak berbuat kebajikan. Dari itu, kebaikan yang telah dibuat hendaklah dilupakan, anggaplah diri belum pernah berjasa agar dengan itu hati dan diri kita akan terus ingin untuk membuat jasa dan kebaikan.

Kesimpulan: Masyarakat yang dicita-citakan oleh Islam itu ialah masyarakat yang penyabar. Masyarakat yang sentiasa melupakan kejahatan dan kesakitan yang diterimanya daripada saudaranya. Masyarakat yang sentiasa tahu minta maaf dan bertaubat dengan selalu mengingat kesalahan diri sendiri. Masyarakat yang tahu bersyukur dan berterima kasih serta tahu mengenang budi jasa dan kebaikan orang lain. Dan masyarakat yang tidak angkuh dan sombong serta tetap melupakan dan tidak suka mengungkit-ungkit kebaikan yang pernah dilakukannya, iaitu ikhlas dalam melakukan sesuatu perbuatan dan kebaikan semata-mata kerana Allah jua.

Berbahagiaulah masyarakat yang rukun dan damai.



PEMANGKU Jurutera Kanan Bahagian Bangunan, JKR, Dayang Hajah Marhani binti Haji Lawie menyerahkan anak kunci bangunan tambahan Sekolah Rendah Amo kepada Guru Besar Sekolah Rendah Amo, Ampuan Haji Mohiddin bin Ampuan Haji Adol. — Gambar oleh Harun Rashid.



# Mentaati ketua negara suatu tanggungjawab yang fardu ain

**M**ARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadirat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Hanya tinggal dua hari saja lagi kita di seluruh negara akan sama-sama menyambut dan merayakan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kali ke-44 tahun. Berbagai-bagai persiapan telah pun diatur untuk memeriahkan hari puja usia baginda itu.

Kita selaku rakyat dan bernaung di bawah pemerintahan baginda adalah

**KITA selaku rakyat dan bernaung di bawah pemerintahan baginda adalah mempunyai tanggungjawab ke atas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan selaku kepala pemerintah bagi negara kita ini. Dan tanggungjawab itu adalah merupakan yang dituntut oleh syarak sebagai suatu yang fardu ain sepertimana yang tersebut dalam nas Al-Quran dan sunah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.**

mempunyai tanggungjawab ke atas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan selaku kepala pemerintah bagi negara kita ini. Dan tanggungjawab itu adalah merupakan yang dituntut oleh syarak sebagai suatu yang fardu ain sepertimana yang tersebut dalam nas Al-Quran dan sunah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Salah satu tanggungjawab kita selaku rakyat ialah taat setia kepada baginda. Kewajipan ini adalah berdasarkan perintah Allah Taala sendiri dalam Surah An-Nisa ayat 59 yang tafsinnya:

*"Wahai orang-orang yang beriman taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan Ulu'Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu."*

Kepala negara dengan sendirinya adalah termasuk sebagai Ulu'Amri itu. Ulama-ulama Islam kadang-kadang menyebut kepala negara itu sebagai khalifah, kadang-kadang disebut juga sebagai imam, malik, sultan atau raja dan lain-lain lagi.

Akan tetapi walau apa pun jua sebutan yang dipakai mengenainya, para ulama Islam adalah mengemukakan bahawa taat kepada kepala negara itu adalah wajib.

Selain daripada taat, maka menyokong langkah-langkah kepala negara dan kerajaannya dalam mengusahakan kebajikan orang ramai dalam bidang agama dan kesejahteraan rakyat juga adalah wajib.

Jadi adalah wajar kita selaku rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyokong segala usaha-usaha baginda termasuklah pada memelihara keselamatan dan ketenteraman negara kita Brunei Darussalam yang sama-sama kita cintai ini.

Untuk menguatkan lagi betapa perimustahaknya taat setia kepada raja itu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang kira-kira bermaksud:

*"Wajib mendengar dan patuh ke atas setiap orang Islam dalam perkara yang ia suka dan benci, selagi ia tidak disuruh ke arah maksiat."*

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam lagi yang maksudnya:

*"Barangsiapa mentaati aku maka sesungguhnya dia taat kepada Allah dan siapa berbuat maksiat (derhaka kepadaku) maka sesungguhnya dia berbuat maksiat kepada Allah. Dan siapa yang taat kepada raja maka sesungguhnya dia taat kepadaku, dan siapa derhaka kepada raja maka sesungguhnya dia derhaka kepadaku."*

Mari kita ikuti pula titah baginda dalam Istiadat Mengadap dan Menyembahkan Ucapan-ucapan Kesyukuran sempena hari keputeraan baginda yang ke-31 pada 15 Julai 1977 yang lalu. Di antara lain baginda bertitah:

*"Bahawa apa yang beta hajati ialah kejujuran serta amanah dan kecergasan pada pentadbiran dan perkerajaan di jabatan-jabatan kerajaannya beta yakni apa*

*yang beta maksudkan ialah supaya dilebihkan usaha-usaha yang berkesan pada membawa kebahagiaan serta kebajikan untuk negeri kita Brunei Darussalam, rakyat dan penduduk-penduduk yang sama kita cintai ini."*

Dalam suasana negara kita yang sedang membangun ini, titah yang sedemikian itu perlulah diambil perhatian semua pihak khususnya kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan pejabat-pejabat kerajaan.

Maksud titah itu adalah amat luas serta berisikan panduan-panduan perlu diamalkan sebab titah itu ada menganjurkan beberapa sifat:

Pertama: Jujur  
Kedua: Amanah  
Ketiga: Cergas pada menjalankan pentadbiran dan pekerjaan.

Bila menyebut jujur dan amanah, kita tahu semua itu adalah pekerjaan hati, manakala dipakai atau diamalkan dia, menjadilah niat. Dan niat itulah sukut-sukat yang menentukan baik atau tidak pekerjaan kerana setiap amal adalah dinilai menurut niat.

Jika pekerjaan dilakukan dengan niat ikhlas dan jujur kerana hendak memenuhi kewajipan dan perintah Allah maka pekerjaan itu mempunyai nilai yang tinggi di sisi Allah.

Sebaliknya sesuatu pekerjaan yang dibuat dengan niat untuk kepentingan yang tidak betul dan kerana ria maka tidaklah ada harganya pada sisi Allah.

Maka berdasarkan inilah, anjuran supaya berlaku jujur, ikhlas dan amanah dalam sebarang pekerjaan terutama pada menjalankan pentadbiran-pentadbiran negeri itu, mestilah dijadikan pegangan dan dasar yang tetap.

Inilah saja satu-satunya jalan untuk kita dapat bertahan sebagai satu bangsa yang akan



kekal lama dalam kebahagiaan dan kemakmuran, sebab orang ikhlas dan amanah itu pekerjaannya berkat dan sempurna dan tabiat mereka pula tekun dan bersungguh-sungguh walaupun tidak payah disubuk atau dimata-matai, mereka tidaklah akan menjadi penggelap masa atau tenaga.

Orang jujur dan amanah serta berilmu dan arif menjadikan masa, tenaga dan hartanya sumber ibadat iaitu hanya dengan menggantungkannya kepada niat, baik dan betul niat maka pahalalah gajarnya.

Sebaliknya buruk dan salah niat, buruk pulalah balasannya. Allah itu adalah penguasa ke atas segala hati, tidak siapa yang boleh lari betapapun menyembunyikan hatinya sebagaimana firman Allah dalam Surah Ali-Imran ayat 29 yang bermaksud kira-kira:

*"Katakanlah: Kalau kamu menyembunyikan apa yang di dalam hati kamu atau kamu zahirkan nescaya diketahui juga oleh Allah."*

Demikianlah kewajipan utama yang mesti kita tunaikan. Sementara kewajipan yang lain yang tidak kurang pentingnya untuk kebaikan raja atau sultan kita serta rakyat yang diperintahnya ialah sentiasa mendoakan raja atau sultan dengan doa kebajikan.

Sepertimana di tahun-tahun yang sudah, salah satu cara sambutan kita di hari puja usia baginda yang ke-44 ini ialah mengadakan majlis bertahlil dan doa selamat sejahtera serta panjang umur dan usia.

Sesungguhnya majlis tahlil itu adalah merupakan majlis zikir di mana kita akan berzikir kepada Allah terutama dengan

lafaz tahlil iaitu ucapan Laila-hailallah dengan cara beramai-ramai.

Kerana majlis bertahlil dan doa selamat ini akan kita adakan bukan sahaja di masjid-masjid utama di seluruh negara bahkan di seluruh masjid pada petang Sabtu ini selepas Sembahyang Fardu Maghrib.

Sesungguhnya kumpulan bertahlil seperti ini adalah kumpulan yang akan dilindungi oleh malaikat-malaikat yang membawa rahmat. Di samping itu tahlil atau zikir Laila-hailallah itu mempunyai kelebihan-kelebihan atau fadilat yang tersendiri yang begitu banyak dan besar.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

*"Yang terlebih afdal zikir itu ialah Laila-hailallah."*

Sabda baginda lagi dalam sebuah hadis qudsi yang kira-kira bermaksud:

*"Laila-hailallah itu perkaatan-Ku dan Aku dan siapa yang berkata masuk dia dalam perlindungan-Ku, dan barangsiapa masuk dalam perlindungan-Ku terselamatlah ianya daripada balasan seksa-Ku."*

Demikianlah di antara kelebihan-kelebihan bertahlil dengan kalimah Laila-hailallah itu.

Oleh itu marilah kita beramai-ramai hadir ke masjid pada petang esok untuk sama-sama bersembahyang Maghrib dan seterusnya bertahlil dengan menadah tangan untuk berdoa bagi Sultan dan Yang Di-Pertuan negara kita sempena hari keputeraan baginda yang ke-44 tahun sebagai tanda taat dan kasih kepada baginda.

**SELAIN daripada taat, maka menyokong langkah-langkah kepala negara dan kerajaannya dalam mengusahakan kebajikan orang ramai dalam bidang agama dan kesejahteraan rakyat juga adalah wajib.**

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-WAKTU sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu, 18 Julai hingga ke hari Selasa, 24 Julai, 1990 adalah seperti di bawah ini :-

| HARI BULAN | ZUHUR |          | ASAR  |          | MAGHRIB |          | ISYAK |          | IMSAK |          | SUBUH |          | MATAHARI TERBIT |
|------------|-------|----------|-------|----------|---------|----------|-------|----------|-------|----------|-------|----------|-----------------|
|            | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai   | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir |                 |
| Julai      |       |          |       |          |         |          |       |          |       |          |       |          |                 |
| 18         | 12.28 | 3.51     | 3.52  | 6.37     | 6.38    | 7.52     | 7.53  | 4.51     | 4.42  | 4.52     | 6.14  | 6.15     |                 |
| 19         | 12.28 | 3.51     | 3.52  | 6.37     | 6.38    | 7.51     | 7.52  | 4.52     | 4.43  | 4.53     | 6.15  | 6.15     |                 |
| 20         | 12.28 | 3.51     | 3.52  | 6.37     | 6.38    | 7.51     | 7.52  | 4.52     | 4.43  | 4.53     | 6.15  | 6.15     |                 |
| 21         | 12.28 | 3.51     | 3.52  | 6.37     | 6.38    | 7.51     | 7.52  | 4.52     | 4.43  | 4.53     | 6.15  | 6.15     |                 |
| 22         | 12.28 | 3.50     | 3.51  | 6.37     | 6.38    | 7.51     | 7.52  | 4.53     | 4.44  | 4.54     | 6.14  | 6.15     |                 |
| 23         | 12.28 | 3.50     | 3.51  | 6.37     | 6.38    | 7.51     | 7.52  | 4.53     | 4.44  | 4.54     | 6.15  | 6.16     |                 |
| 24         | 12.28 | 3.50     | 3.51  | 6.37     | 6.38    | 7.51     | 7.52  | 4.53     | 4.44  | 4.54     | 6.15  | 6.16     |                 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang Fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.



## ISTIADAT MENGADAP DAN MENGUMI BINTANG-BINTANG KEBESARAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah di Istiadat Mengadap dan Mengumikan Bintang-bintang Kebesaran sempena hari keputeraan baginda yang ke-44 tahun.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengumikan Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Dihormati Darjah Pertama - (D.K.) kepada Yang Amat Mulla Pengiran Bini Hajjah Mazlun binti Hamzah.

JALAN TUTONG, 15 Julai  
Kebawah Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadap dan mengumikan Bintang-bintang Kebesaran sempena hari keputeraan baginda yang ke-44 tahun di Balai Senggahsana, Istana Nurul Iman di sini.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wai-Waqir Pengiran Muda Haji Mohamad Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Liputan oleh  
Abd. Karim HAB  
dan  
Bohassan HAB

Gambar-gambar  
oleh  
Rabae Hj. Sabli,  
Pg. Kamaluddin PHAR  
Halim Hj. Sulaiman,  
Pg. Hj. Abu Bakar PHO,  
Pg. Hj. Yaakub PMHH,  
Pg. Bahar PHO,  
Amat Moxin,  
Harun Rashid,  
Abdullah HAD  
dan  
Masmaleh HMA



BAGINDA berkenan mengumikan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulla Darjah Pertama - (S.P.M.B.) kepada Yang Berhormat Sir TI-Liang Yang.



BAGINDA berkenan mengumikan Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Darussalam Yang Amat Bersinar Darjah Kedua - (D.S.S.U.B.) kepada Awang Haji Abang Razali bin Haji Abang Zainuddin.



YANG Teramat Mulla Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah; Duli Yang Teramat Mulla Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wai-Waqir Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulla Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah; Duli Yang Teramat Mulla Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulla Pengiran Bini Hajjah Mazlun; Duli Yang Teramat Mulla Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan dan Yang Amat Mulla Pengiran Anak Isteri Pengiran Norhayati dan Yang Teramat Mulla Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Maena ketika berangkat di Istiadat Mengadap dan Mengumikan Bintang-bintang Kebesaran (gambar kiri dan kanan).





# RTB PENGHUBUNG DUA HALA ANTARA KERAJAAN DAN RAKYAT



RTB kini telah mencapai perkhidmatannya 15 tahun pada 9 Julai, 1990 yang lalu. Sejak dipancarkan 15 tahun yang lalu, ianya telah menempuh berbagai-bagai perkembangan yang boleh kita banggakan bersama. Dan yang lebih penting sejak pemancarnya pada tahun 1975, masyarakat kita hingga masa kini telah dapat menimba pengetahuan mengenai sosio-ekonomi dan sosio-budaya negara. Penubuhan televisyen Brunei adalah berfungsi sebagai penyalur dan penyebar hubungan dua hala antara kerajaan dan rakyat dan rakyat dan kerajaan.

BERITA LANJUT DI MUKA 5 & 6

## ANTARA YANG MENARIK

- Sukan Arnis Filipina: Peluang Negara Kutip Pingat Ceraf — muka 16
- Mengatasi Kesukaran Meninggalkan Anak — muka 7
- Gambar-gambar Sekitar Sambutan Khas 15 Tahun Televisyen Brunei — muka 5 & 6
- Cerpen — Aku Atau Dia — muka 2 & 3
- Puisi — muka 3
- Ulasan Cerpen — Kegelisahan : Satu Permasalah Dalam Manusia — muka 4
- Rancangan Radio & TV — muka 8, 9 & 10



# AKU ATAU DIA

**D**AUN pisang bergoyang-goyang ditipu angin petang. Dari jauh lagi kedengaran bunyi enjin kereta Dato Karim. Pemandu kereta itu membunyikan hon di pintu pagar. Esmah berlari-lari anak menuju pintu pagar untuk membukanya. Esmah membuka pintu pagar sambil berkata kepada pemandu kereta itu, "Mana atuk pakcik?". Rosman pemandu kereta Dato Karim berkata sambil memandang kepada Esmah, "Dato tak balik petang ini, katanya ada mesyuarat." Esmah dengan muka yang kecewa berkata, "Bila dia balik pakcik? Sambil menggarukan kepalanya yang tidak gatal itu beberapa kali. Rosman memandang ke hadapan rumah banglo dua tingkat dan berkata, "Entahlah, kata Dato ada dia telefon petang ini." Esmah mengunci pintu pagar dan terus masuk ke dalam rumah melalui pintu depan rumah banglo itu.

Tepat jam lapan malam Esmah membaca buku sosiologi di atas katil. Sekali-sekala dia melihat jam di atas meja. Dia begitu risau, "Bilakah datang balik ni, datuk belum telefon lagi." Tiba-tiba kedengaran bunyi telefon dan lepas itu kedengaran bunyi enjin kereta meninggalkan halaman rumah. "Itu mungkin datuk yang telefon tadi dan pakcik Rosman pergi menjemputnya." Esmah membuat ramalannya sendiri.

Esmah bangun dari katil dan berjalan menuju tingkat biliknya. Dia memerhatikan keadaan sekeliling halaman banglo itu. Sinar bulan 200 wat yang terletak di pintu pagar itu menerangi kawasan halaman rumah. Dia teringat kembali peristiwa yang terjadi di waktu petang tadi. Peristiwa itu tidak dilupakannya sejak dia pulang dari kampus. Waktu itu Esmah dan Salmah sedang berjalan menuju tangga tempat turun naik para siswa dan siswi. Esmah berhenti dan memikirkan sesuatu. Dia baru teringat buku yang hendak dipinjamnya tempo hari pada Hanif. Dia terlupa pula hendak pinjam buku itu dari Hanif. Tiba-tiba Salmah membangunkan dia dari khayalannya. "Kenapa ni Es?" Esmah rasa kecewa sambil berkata, "Aku lupa nak pinjam buku dari Hanif." Salmah dengan rupa yang hairan sambil berkata, "Buku apa?" Esmah dengan suara yang kecewa, "Buku sosiologi, kitakan nak hantar dua minggu lagi aku belum ada bahan yang hendak ditulis lagi dan buku tu pula ada pada Hanif."

Tiba-tiba Hanif datang dari belakang. "Kamu bincang apa ni?"

Salmah melirikkan matanya kepada Esmah dan berkata, "Kawan kita ni, dah terlupa sesuatu." Hanif yang dari tadi asyik memerhatikan Esmah yang tidak sedikit pun memerhatkannya. Salmah memerhatikan kedua insan itu. Dia tersenyum memerhatikan kelakuan Es yang malu-malu itu. Esmah tahu

OLEH  
ROBI B.

kedua insan yang berada di hadapannya itu memerhatikan dia di dalam hatinya dia berkata, "Kenapa aku malu hendak pinjam buku itu dari Hanif. Mungkin kerana sukakan dia dan aku sangat mengagumi kebolehan dia. Tetapi aku hairan, setiap kali aku bertemu dan terpancang wajahnya semacam ada satu perasaan yang aneh.

C  
E  
R  
P  
E  
N

Dengan suara yang lembut Hanif berkata, "Es, Es, apa yang you dah lupa? Esmah dengan mengangkat mukanya dan berkata, "Es nak pinjam buku sosiologi yang kau pinjam hari itu. Itu pun kalau kau tidak menggunakannya lagi."

Hanif memberikan sebuah senyuman dan berkata, "Oh! Buku tu. Nah ambillah ni. Kau boleh pinjam, lama-lama pun boleh, asal kau sambungkan tarikhnya, buku ni tiga hari lagi nak mansuh. Jadi kau sambunglah yah." Belum pun sempat Esmah mengucapkan terima kasih pada Hanif, tiba-tiba Lidia muncul dan dengan suara yang marah dan memandang Esmah dan Salmah dengan sombong. "Hey! Hanif rupanya you ada kat sini. I cari-caru you kat mana-mana, rupanya you dah lupa janji-janji you yah! you nak hantar I balik." Hanif dengan rupa malu dan berkata dengan suara yang merendahkan diri, "Sorrylah! Lidia aku tak ingat nak hantar kau pulang tadi." Lidia menarik tangan Hanif dan terus meninggalkan mereka.

Ketukan berkali-kali yang datang dari pintu kamarnya membuat Esmah sedar dari lamunan. Esmah sambil memandang pintu kamarnya dengan wajah yang risau, "Siapa!" Makcik Kasmah yang bekerja sebagai orang gaji di rumah Dato Karim mempunyai sifat keibuan dan seorang yang penyayang. Dengan suara yang nyaring Makcik Kasmah menjawab, "Ini makcik, kau belum tidur lagi Es?" Esmah memandang pintu kamar dengan pandangan yang kosong, "Belum makcik. Esmah sedang...." terhenti seketika, kemudian disambung kembali dengan suara yang gembira, "Esmah sedang mengulang kaji pelajaran. Atuk dah balik makcik?". Makcik Kasmah mengeluarkan keluhan

kecil dan berkata, "belum". Makcik Kasmah terus meninggalkan bilik kamar Esmah dan menuju ke tingkat bawah.

Esmah memandang gambar ayah dan ibunya yang terletak di atas almari soleknya. Di dalam hati dia berkata, "Ibu ayah, Es rindu padamu, Es tahu, ayah dan Ibu pergi ke Hong Kong kerana bisnis. Tapi dah hampir sebulan ibu dan ayah tidak menghantar berita pada Es." Di wajahnya kelihatan sedih. Dengan secara tiba-tiba Esmah teringat gambar Hanif di dalam laci meja tulisnya.

Esmah berjalan dengan cepat menuju ke meja tulis dan terus membuka laci dan mengambil gambar Hanif di bawah sekeping kertas putih. Dia menatap gambar itu dalam seketika dan berkata, "Beruntunglah gadis yang mendampingiimu. Tentunya Lidia amat mencintaimu."

Sayup-sayup kedengaran suara azan Subuh berkumandang. Esmah terus bangun dan menuju ke bilik air. Selepas mandi Esmah menunaikan kewajipannya sebagai seorang Islam. Dia mengerjakan sembahyang Subuh dengan khusus sekali. Setelah Esmah siap bersembahyang dia terus turun ke bawah membuat apa-apa yang patut.

Keadaan di dapur amat sunyi sekali, "Apakah Makcik Kasmah belum bangun lagi." Tiba-tiba ada suara dari belakang memanggil namanya. "Es, apa kau buat di dapur ni? Pergilah naik ke atas biar makcik saja yang sediakan sarapan pagi." Esmah terus naik ke atas dan menuju ke bilik tidurnya. Jam di atas meja baru menunjukkan sepuluh minit lagi pukul enam pagi. Esmah pun meneruskan kerjanya yang belum siap semalam.

Tepat jam 7.30 pagi Esmah bersiap-siap turun hendak sarapan pagi. Di wajahnya terpancar keriang kerana kerjanya sudah pun siap. Dia membawa fail, buku catatan dan buku sosiologi dan terus sarapan.

Di halaman rumah kedengaran hon kereta dan kelihatan Makcik Kasmah muncul di hadapan pintu dan terus menuju kepada Esmah yang sedang duduk di meja makan dan sedang mengunyah roti. Esmah memberikan senyuman kepada Makcik Kasmah dan berkata, "Siapa di luar tu Makcik?" Makcik Kasmah membalas senyuman Esmah dan berkata, "Salmah. Dia nak jemput kau." Esmah terus bangun dan berjalan menuju ke pintu depan, setelah siap memakai kasut Esmah terus naik ke dalam kereta Salmah.

Di kampus kelihatan para pelajar mundar-mandir. Masing-masing dengan tujuannya. Esmah seolah-olah mencari seseorang. Dari bangunan perpustakaan kelihatan seorang pemuda kacac sedang berbual-bual dengan salah seorang pelajar lelaki. Tiba-tiba dia mengalihkan pandangannya kepada Esmah dan melambatkan tangannya dan terus menuju ke arah Esmah dan Salmah. Kedua-dua sahabat itu memperhatikan



langkah pemuda itu yang sedang menuju kepada mereka. Salmah mengalihkan pandangannya kepada Esmah yang berdiri di sisinya dan berkata, "Es, aku pergi dulu, ada kerja yang hendakku buat." Esmah tidak menjawab. Hanif memberikan sebuah senyuman dan berkata, "Marilah kita masuk kelas." Esmah tanpa berkata apa-apa terus mematuhi permintaan Hanif. Mereka pun melangkah menuju ke kelas mereka. Dalam perjalanan Esmah teringat sesuatu. "Hanif, ini buku yang aku pinjam dari kau. Terima kasih yah!" Hanif mengambil buku yang dihidulurkan oleh Esmah kepadanya dan berkata, "Cepat kau siap." Esmah sambil tersenyum "cuma sikit saja yang ku catat. Aku nak rujuk buku lain lagi." Hanif berkata dengan suara yang ikhlas, "Aku ada lagi satu buku, kalau kau nak pinjam nanti aku berikan." Esmah memberikan senyuman, "Terima kasih".

Dari jauh Lidia dan Masnah asyik memerhatikan dua insan yang menarik perhatian mereka. Wajah mereka memancarkan kemarahan dan benci. Masnah berkata sambil memandang kepada dua insan itu, "Lelaki sekarang ini, kita tidak boleh percayai, lepas satu, satu lagi. Kalau aku, orang yang semacam Esmah tu dah lama aku beri amaran."

Habis belajar para pelajar lelaki dan perempuan sibuk berkemas hendak pulang. Esmah dan Salmah duduk di barisan kedua dari depan. Mereka sibuk menyalin soalan-soalan yang tertulis di papan putih. Begitulah setiap kali kalau mereka belajar pelajaran Matematik.

Ketika Esmah hendak menaiki kereta Salmah, ada suara seorang perempuan memanggil namanya dengan suara yang nyaring, "Es, tunggu dulu." Salmah tidak jadi membuka pintu kereta. Esmah menoleh ke belakang. Lidia berdiri di hadapan Esmah dengan wajah yang marah. "Es, ada perkara yang hendak aku bincangkan dengan engkau. Aku harap kau tak keberatan." Esmah dengan muka kehairanan, "Silakan, ada dia." Lidia bercakap dengan kasar dan wajahnya kelihatan marah, "Aku berharap kau jangan ganggu Hanif lagi. Dia tu boyfriend aku. Kau harus tahu (tangan telunjuk kanannya menunjuk kepada Esmah), Hanif adalah anak orang kaya, ibu dan bapanya orang yang sangat disegani. Begitu juga dengan keluargaku. Kau tidak sepadan bergaul dengannya. Enggang dengan enggang dan pipit dengan pipit. Kau faham." Lidia

kemudian berlalu dari situ dengan pantas. Salmah terus membuka pintu kereta dan berkata kepada Esmah, "Es, mari kita balik." Esmah menurut saja kata Salmah. Kereta Salmah meninggalkan kampus dengan laju. Di hadapan rumah Dato Karim, Salmah mematikan enjin keretanya dan terus memandang kepada Esmah yang duduk di sisinya. Di wajah Salmah kelihatan wajah penyesalan dan kesihan lalu berkata, "Jangan kau ambil hati kata-kata Lidia tadi."

Esmah membuka pintu kereta dan terus keluar. Salmah memerhatikan langkah Esmah yang perlahan, kemudian Esmah masuk ke dalam rumah dan hilang dari pandangan Salmah. Salmah menghidupkan enjin keretanya dan terus pergi meninggalkan banglo dua tingkat itu.

Di sebelah malam Esmah sibuk menyiapkan kerja-kerja rumahnya. Makcik Kasmah mengetuk pintu bilik Esmah lalu masuk tanpa kebenaran dari Esmah, daun pintu ditutup kembali. Makcik Kasmah datang menghampiri Esmah dan berkata, "Es, Dato panggil kau. Tinggalkan dulu kerja-kerja kau tu. Pergi sana jumpai Dato kau di bawah." Sambil kedua belah tangannya menutup buku tebal yang ada di hadapan Esmah. Esmah lalu bangun dan meletakkan pen yang dipegangnya di atas meja. Makcik Kasmah dan Esmah meninggalkan kamar itu dan menuju ke anak tangga. Di bilik tamu kelihatan seorang lelaki yang sudah tua duduk di atas kerusi empuk sambil matanya memandang pada suratkhabar yang ada di tangannya. Esmah menghampiri lelaki tua itu. Makcik Kasmah melangkahkan kakinya menuju ke dapur. Esmah berdiri di sisi orang tua itu sambil berkata dengan suara yang lembut dan perlahan.

"Atuk panggil Es." Dato Karim melipat-lipat suratkhabar itu dengan meletakkannya di atas meja dan berkata, "Yah! Daduklah." Esmah melabuhkan punggungnya di atas kerusi empuk itu dan menantikan apakah yang akan dibincangkan oleh atuknya itu. Dato Karim memerhatikan cucu perempuannya sambil berkata, "Ayah kau ada telefon atuk petang tadi, katanya mereka sihat dan mungkin mereka akan balik dua atau tiga minggu lagi." Esmah menggosok-gosokkan jari-jemari-

LIHAT MUKA 3



IJNAS ILA, Lumut.



## Sastera dan Budaya

Ulasan cerpen-cerpen di PELITA BRUNEI sepanjang Januari

# KEGELISAHAN: SATU PERMASALAHAN DALAM MANUSIA

SAMBUNGAN  
MINGGU LALU

**M**ANUSIA moden yang melihat keagamaan secara jauh adalah menyia-nyikan kehidupannya selamalamanya. Keadaan serupa mungkin lain pada mereka yang dekat dengan agama. Ketawakalan dan takdir adalah pegangan mereka sesudah berikhtiar. Ini jelas, kita merancang sesuatu itu, tetapi Allah yang menentukan kewujudannya. Lantas, kita tidak dapat menolaknya.

Inilah konflik dan kerungsingan Jimat, seperti yang dipancarkan dalam cerpen 'Kelahiran' oleh Mas Abadi (PELITA BRUNEI, 24 Januari, 1990). Jimat gelisah menunggu lahirnya anak yang kelima bagi dirinya. Yang diharapkannya seorang perempuan, kegelisahan Jimat dinyatakan dengan kelakuan biasa, sedangkan isterinya akan dibedah. Ini bukan luar biasa kerana Jimat sudah mempunyai empat orang anak. Tambahan pula ia mempunyai tanggapan lain.

Harapan Jimat untuk memperoleh anak perempuan adalah 75 peratus. Kerana, setiap kali ibu yang keluar dari wad bersalin itu membawa anak perempuan. Ternyata Jimat tidak tahu, tidak peka terhadap kebesaran Tuhan. Itulah kejahilan manusia yang kerdil. Yang ditunggu sudah

tiba, rupanya isteri Jimat melahirkan seorang anak lelaki seberat 9 paun. Jimat kecewa dengan ramalannya. Walau bagaimanapun Jimat tidak menjadi gila sebagaimana Jeha dalam novel 'Ranau Sepanjang Jalan'. Jimat masih manusia normal.

Cerpen ini telah menyuarakan beberapa perubahan yang patut dilakukan, khususnya di wad bersalin. Inilah permintaan penulisnya.

Winnie Mas dengan cerpenya bertajuk 'Detik-detik Genting Cukup Teruji' (PELITA BRUNEI, 31 Januari, 1990) sebuah cerpen penutup bulan Januari. Winnie Mas, seperti juga Salmah Haji Hambali, Ariffin Haji Mohin, H.B. Mahmud dan Mas Abadi memaparkan watak manusia yang gelisah dengan fenomena hidup di rantau orang yang menuntut beberapa pengorbanan dan kerendah tabiinya.

Cerpen ini membawa latar tempat di Kota London. Mamat seorang mahasiswa di salah sebuah universiti di kota itu. Kedatangannya ke Kota London atas kemahuan dirinya sendiri, demi menambah ilmu pengetahuannya. Itu pun dengan berbekal wang sebanyak tiga puluh ribu ringgit dari hasil titik peluhnya sendiri.

Suasana penghidupan di Kota London, amat menuntut peruntukan yang jauh lebih tinggi dari yang

dijangkakan oleh Mamat. Suasana itu akan juga menjadi sebab akibat Mamat resah gelisah. Mamat membawa kegelisahan itu dengan berjalan-jalan di persekitaran Kota London. Apakah itu sebagai penyelesaian permasalahan yang dihadapinya?

Mamat masih menaruh harapan pada setiap permohonan biaswanya di beberapa buah pihak penaja di negaranya. Namun begitu, kegelisahan masih menghantui dirinya, di setiap saat, waktu, hari dan bulan. Maka jadilah ia seorang penunggu setia. Demikianlah, rintangan yang dihadapi oleh Mamat. Padahal rintangan itu adalah fenomena biasa tetapi berat dipikul. Kecekan dan ketabahan juga yang menjadi pekaranya. Sebagaimana, ketabahan Hidayat — nama yang baik — menerima telegram bahawa ibu mertuanya sakit tenat. Sesudah itu, ibu mertuanya kembali

ke rahmatullah. Ini juga satu fenomena yang merunsingkan jiwa manusia.

Sesungguhnya cerpen ini, mengarahkan kita berfikir betapa susahnya hidup di rantau orang kalau tidak cukup bekalan. Di samping itu meminta agar pihak-pihak terlibat lebih peka pada setiap permohonan. Dan, setiap individu semestinya cekal dan tabah dalam menempuh sebarang dugaan di dunia ini.

Meneliti keseluruhan cerpen yang termuat di PELITA BRUNEI melalui ruang ANEKA dalam bulan Januari 1990, saya melihat adanya kemantapan dalam bercerita dengan cara gaya pengolahan yang kesederhanaan. Cerpen 'Bukan Prejudis' dan 'Detik-detik Genting Cukup Teruji' yang mengemukakan fenomena biasa tetapi berkesan dengan kordinasi watak penampilan watak-wataknya melalui latar cerpen tersebut. Kordinasi watak dan latar yang sesuai akan memberikan kesan kepada pembacanya sama ada positif atau negatif.

latar cerpen tersebut. Kordinasi watak dan latar yang sesuai akan memberikan kesan kepada pembacanya sama ada positif ataupun negatif.

Kelima buah cerpen tersebut akan mengalami konotasi yang berlainan dari pembacanya atau pengamatnya. Bagi saya, rata-rata cerpen tersebut memaparkan kegelisahan watak-watak utamanya. Apakah ini satu kesatuan pengucapan para penulisnya?

OLEH  
ARPAN SHAHBUDIN H.L.

## SYAIR ASLI RAJANG HARI

ALMARHUM Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien adalah Sasterawan Diraja yang ulung. Baginda telah berjaya mencipta beberapa buah buku syair bagi memperkaya khazanah kesusasteraan tanahair, antaranya ialah Syair Asli Rajang Hari.

Dalam usaha menghayati pemikiran-pemikiran bernas itu, ruangan ini akan memetik dan memuat sepuluh rangkap secara berterusan setiap kali keluaran daripada Syair Asli Rajang Hari karangan Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien.

Syair Asli Rajang Hari ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam pada tahun 1967 dan dicetak oleh M.P.H. Printers Sendirian Berhad, Singapura.

Semoga Syair Asli Rajang Hari ini mendatangkan manfaat terutama dalam kegigihan para penulis tanahair berkarya. — PENYUNTING.

Wahai pakulun laila tempawan,  
ke arah kebajikan bersetiawan,  
lailakan hubungan berkawan-kawan,  
penceroboh yang membunuh pasti dilawan.

Allah Taala Tuhan yang Ahad,  
yang mengetahui dan maha melihat,  
kepada perbuatan baik dan jahat,  
tahu hati hasrat tak sihat.

Allah Taala yang maha sakti,  
tahu hati hasrat niat di hati,  
melihat perbuatan, niat seperti,  
hendaknya kita fahamkan wahai gusti.

Sesiapa melakukan perbuatan jahat,  
dan bersubahat kepada yang jahat,  
walau bersembunyi, apa lagi terlihat,  
Allah mengetahui dan juga melihat.

Wahai anakanda intan terpilih,  
keluarga dan sahabat jangan berselisih,  
yang laila baik hendaknya digalih,  
supaya erat hubungan berkasih.

Dua belas haribulan Khamis rajangnya,  
pengalu hilir ke Sungai Siamas,  
laila usaha murni hatinya,  
laila terlaksana, sempurna dan kemas.

Laila cara, gaya dan peri,  
jangan mengutamakan diri sendiri,  
mendoakan ramai termasuk johari,  
demikianlah pendapat dalang memberi.

Sekianlah pendapat dalang tendarman,  
syair dibentuk keseorangan,  
hanyakan untuk kenang-kenangan,  
hasil dari perasaan walang, bimbangan.

Dalang tendarman rakyat negeri,  
berunding, berusaha seorang diri,  
mengharapkan rahmat Khalikul-Bahri,  
kenampang sahabat datang menghampiri.

Sahabat, kenalan menghulurkan bantuan,  
memberikan nasihat dan pertolongan,  
makanya terlaksana cita-cita tujuan,  
hendaklah diingat anakanda tuhan.

**MAMAT seorang mahasiswa di salah sebuah universiti di kota itu. Kedatangannya ke Kota London atas kemahuan dirinya sendiri, demi menambah ilmu pengetahuannya. Itu pun dengan berbekal wang sebanyak tiga puluh ribu ringgit dari hasil titik peluhnya sendiri.**



# SAMBUTAN KHAS



*Televisyen*

TELEVISYEN Brunei kini telah mencapai perkhidmatannya kepada 15 tahun sejak ianya mula dipancarkan pada tahun 1975 yang lalu. Sehubungan dengan itu pada 9 Julai yang lalu, satu majlis kesyukuran telah diadakan bertempat di Dewan Raya Radio Televisyen Brunei. Dalam gambar kiri memperlihatkan suasana ketika diadakan majlis tersebut.

**R**ADIO Televisyen Brunei, pada hari Isnin lalu 9 Julai, 1990 telah menyambut ulang tahun 15 tahun perkhidmatannya, dengan mengadakan acara sederhana tetapi meriah dengan penuh pengertian setelah memberikan sumbangan perkhidmatannya selama 15 tahun kepada masyarakat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam ini khususnya.

Sementara itu pada 7 Julai, 1990, Radio Televisyen Brunei, Jabatan Penyiaran dan Penerangan telah mengadakan Majlis Bacaan Surah Yaasiin, Tahليل dan Doa Kesyukuran yang mana telah dihadiri oleh lebih kurang 700 orang kakitangan Jabatan Penyiaran dan

## TELEVISYEN BRUNEI CAPAI KEJAYAAN YANG CEMERLANG

Penerangan. Majlis tersebut telah dipimpin oleh Syed Haji Ibrahim bin Syed Hassan, yang juga dihadiri oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Ustaz Haji Awang Badarudin bin Pengarah Haji Othman, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengarah Penyiaran dan Penerangan; Timbalan Pengarah Penyiaran, Awang Haji Alidin bin Haji Othman, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan Jabatan Penyiaran dan Penerangan.

Majlis pada 9 Julai, 1990 telah bermula dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, diikuti kemudiannya ucapan alu-aluan oleh Timbalan Pengarah Penyiaran, Awang Haji Alidin bin Haji Othman, yang telah menyentuh tentang perkembangan dan juga pencapaian perkhidmatan televisyen di negara kita ini. Tetamu kehormat majlis tersebut ialah Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Ustaz Haji Awang Badarudin bin Pengarah Haji Othman, setiausaha Tetap Jabatan

Perdana Menteri merangkap Pengarah Penyiaran dan Penerangan.

Satu syarahan khas yang bertajuk "ETIKA KERJA DALAM ISLAM" telah disampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Timbalan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam. Beberapa orang tetamu khas juga telah diundang termasuklah, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato

Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Dato Paduka Matnor; Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin bin Haji Abdul Wahab, Setiausaha Tetap (Dasar dan Pentadbiran) Kementerian Pertahanan; bekas Pengarah dan juga Timbalan Pengarah RTB yang dahulu antaranya termasuklah Pengiran Badarudin bin Pengiran Ghani; Awang Haji Salleh bin Abdul Kadir; Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad dan beberapa orang lagi.

Majlis hari itu walaupun disambut dengan secara sederhana akan tetapi telah menampakkan suasana yang meriah dengan kehadiran kakitangan dan juga bekas kakitangan Jabatan Penyiaran dan Penerangan yang pernah berkhidmat sebelumnya.

Di hari tersebut Jawatankuasa Cenderamata Kenang-kenangan 15 Tahun Televisyen telah

LIHAT MUKA 6



SEBAHAGIAN daripada jemputan-jemputan khas dan pegawai-pegawai dan kakitangan Radio Televisyen Brunei ketika menghadiri majlis kesyukuran sempena 15 tahun perkhidmatan televisyen Brunei.



# SAMBUTAN KHAS

DARI MUKA 5

telah membuat jualan khas kepada para hadirin dan orang ramai. Beberapa keluaran cenderamata yang berbentuk topi, ball pen, key holder, badge, baju T, folder dan sticker yang telah dijual dengan mendapat sambutan yang menggalakkan.

Sempena 15 tahun perkhidmatan Televisyen Brunei telah memulakan siarannya lebih awal pada hari tersebut dengan mengadakan berbagai rancangan menarik termasuklah menyiarkan semula beberapa buah rancangan lama dan beberapa suntingan rancangan-ranca-



**YANG Dimulakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengarah Penyiaran dan Penerangan ketika berucap selaku tetamu kehormat.**



**YANG Dimulakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Timbalan Mufti Kerajaan ketika menyampaikan syarahan khas bertajuk 'Etika Kerja Dalam Islam'.**



**MAJLIS Bacaan Surah Yaasin, Tahliil dan Doa Kesyukuran sempena 15 Tahun Penubuhan Televisyen Brunei telah diadakan pada 7 Julai bertempat di Dewan Raya Radio Televisyen Brunei.**

ngan yang pernah diterbitkan. Siaran tersebut telah bermula dari jam 12.00 tengah hari hingga 1.30 pagi dengan format persembahan membawa penonton mengikuti perkembangan demi perkembangan melalui urutan sejarah penubuhan televisyen di Negara Brunei Darussalam sejak tahun pelancarannya 1975.

Tetamu-tetamu khas juga diundang ke studio untuk bertembual secara langsung mengenai dengan beberapa seksyen penting di dalam perkhidmatan Tele-

visyen Brunei seperti kejuruteraan, berita dan ehwal semasa, rancangan, penerbitan, kakitangan dan sebagainya.

Ruangan yang melibatkan penyertaan penonton secara langsung dengan menyediakan hadiah-hadiah cenderamata 15 Tahun Televisyen juga telah diadakan, dengan sambutan yang begitu menggalakkan. Beberapa buah rancangan termasuk berbentuk dokumentari yang mendedahkan tentang kegiatan dan gerakan perkhidmatan televisyen



**SAMBUTAN menggalakkan... Orang ramai berpuisi-pusi untuk membeli cenderamata kenang-kenangan sempena 15 tahun Televisyen Brunei.**

kita telah juga ditayangkan, ini termasuklah sebuah dokumentari 'JENDELA KACA', salah satu rancangan yang mendedahkan akan perkembangan dan kemajuan tersebut.

Televisyen Brunei dilancarkan dengan rasminya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 9 Julai, 1975. Ianya adalah merupakan yang pertama berwarna di Asia Tenggara sejak pelancarannya.

Dalam tempoh 15 tahun perkhidmatannya, beberapa perkembangan yang penting dan cemerlang telah dapat dicapai dengan



jayanya seperti menyiarkan siaran secara langsung beberapa rancangan tempatan dan luar negeri. Ke arah itu RTB kini berusaha dengan gigih untuk menyiarkan rancangan-rancangan yang bermutu bagi semua peringkat dan lapisan masyarakat di negara ini.



**AWANG Haji Alidin bin Haji Othman, Timbalan Pengarah Penyiaran ketika memberikan ucapan alu-aluan di majlis tersebut.**

RTB yang merupakan media utama kerajaan adalah berfungsi sebagai penyebar dan penyalur hubungan dua hala antara kerajaan dan rakyat dan rakyat dengan kerajaan.

Apa yang jelas kepada kita, sejak perkhidmatannya hingga masa kini, Televisyen Brunei telah dapat memberikan sumbangan yang bermanfaat dan berfaedah kepada masyarakat di negara ini dalam bidang sosio-ekonomi, sosio-budaya, pendidikan dan lebih-lebih lagi perkembangan dan kemajuan Negara Brunei Darussalam.

**SELAMAT  
MENYAMBUT  
ULANG TAHUN  
KE-15.**





# SEKITAR RTB



## STUDIO BERGERAK

**S**TUDIO bergerak diperlukan kerana tidak semua keperluan-keperluan rancangan dapat dibawa ke dalam studio tetap. Adakalanya rakaman perlu diadakan di luar untuk mempelbagaikan teknik persembahan dan untuk mendapatkan pemandangan yang lebih menarik di samping dapat menyiarkan secara langsung peristiwa-peristiwa bersejarah kepada penonton di rumah. Dan secara tidak langsung konsep ini dapat mempamerkan kepada orang ramai cara-cara RTB mengendalikan rakaman luar atau siaran secara langsung.

Setiap unit studio bergerak mempunyai bahagian dan alat teknikal seperti yang terdapat di dalam studio tetapi walaupun ada perbezaan dari segi saiz. Untuk mengawal supaya saiz van yang digunakan sebagai bilik kawalan studio bergerak itu tidak menjadi terlalu besar ia hanya dimuatkan dengan satu ruang untuk kawalan penerbitan, satu untuk kawalan suara dan satu lagi untuk kawalan gambar di mana terdapat juga satu atau dua buah alat perakam video, kawalan lampu dibuat berasingan sama ada menggunakan kawalan lampu yang khas atau dengan menggunakan sistem kawalan lampu bimbit (Portable Dimmer System).

Di RTB tiap-tiap van yang dilengkapi sedemikian rupa dipanggil CMCR (Colour Mobile Control Room) atau OB (Outside Broadcast) van atau van siaran luar. Terdapat tiga buah van siaran luar masing-masing digelar CMCR1 yang terbesar dan dilengkapi dengan lima buah kamera, CMCR2 yang sedang dan dilengkapi dengan tiga buah kamera dan CMCR3 yang kecil juga dilengkapi dengan tiga buah kamera. Ini dikenali juga dengan nama OB1, OB2 atau OB3. Di samping ini ada sebuah van lagi yang digelar sound van yang dapat membantu tiap-tiap van siaran luar jika keperluan kawalan suara lebih dari keupayaan kawalan suara yang ada di van itu. Sound van ini juga dapat digunakan sebagai bilik kawalan bergerak bagi rancangan-rancangan radio yang dirakamkan atau disiarkan secara langsung dari tempat-tempat yang tertentu.

Siaran secara langsung adakalanya memerlukan bantuan dari Seksyen Alat Pemancar. Mereka menggunakan alat pemancar gelombang mikro yang dapat menghantar melalui udara isyarat suara dan gambar kepada alat penerima yang ada di atas Bangunan RTB. Isyarat itu seterusnya disalurkan ke Master Control Room (Bilik Kawalan Utama) untuk disiarkan seperti rancangan-rancangan lain.

Di antara rancangan-rancangan yang sering dikendalikan oleh studio bergerak RTB ialah seperti liputan secara langsung Majlis Istiadat Barisan Kehormatan bagi memperingati Hari Pujia Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan, perayaan hari kebangsaan di Stadium Negara Hassanah Bolkhiah, Sembahyang Fardu Jumaat dari Masjid Omar Ali Saifuddin dan rakaman liputan sukan seperti perlawanan Bola Sepak Semi-Pro. Di samping ini ada juga rancangan-

rancangan yang bercorak keagamaan dan hiburan yang pernah dirakamkan atau disiarkan secara langsung dari keempat-empat daerah. Tiap-tiap liputan atau rakaman selalunya memerlukan sebuah CMCR sahaja. Ada kalanya ketiga-tiga CMCR digabungkan untuk membina. Ini tertakluk kepada keperluan pihak penerbitan.

Kakitangan yang bertugas di tiap-tiap CMCR sama juga seperti yang terdapat di dalam studio tetap, tetapi studio bergerak memerlukan beberapa orang Jurutemali dan Pemandu untuk memandu kenderaan dan membantu mengangkut perkakas-perkakas teknikal seperti kamera ke tempat yang telah dipersetujui dalam mesyuarat perancangan penerbitan. Ada kalanya kakitangan yang bertugas ditambah bilangannya. Ini mengikut keadaan yang terdapat pada tiap-tiap liputan atau rakaman itu.

Sebelum rakaman atau siaran langsung dibuat beberapa mesyuarat perancangan penerbitan diadakan oleh krew penerbitan yang terdiri dari penerbit, pereka set, pengurus teknik studio, jurukamera kanan, pengawas suara kanan, pengawas bina dan lain-lain pegawai berkenaan untuk menentukan keperluan masing-masing seperti rekabentuk, tempat meletak van siaran luar, kedudukan kamera, keperluan suara, bekalan elektrik dan juga keperluan binaan set. Jika tempat itu baru suatu RECCI akan diadakan yang bermakna krew penerbitan akan mengadakan satu tinjauan ke tempat yang dimaksudkan dari semua aspek. Mesyuarat ini juga menentukan jadual waktu kerja untuk memasang set dan alat-alat teknikal yang lain. Oleh kerana rakaman atau siaran langsung ini dibuat dari tempat di luar studio RTB, jadi kebenaran bertulis selalunya diperlukan dari pihak yang berkuasa ke atasnya. Untuk memastikan kelancaran rakaman luar atau siaran langsung jangka masa untuk membuat persediaan adalah satu faktor yang sangat mustahak.

## Apa Pendapat Awda Sambungan Media Penyiaran Televisyen Sepanjang 15 Tahun

**P**ESERTA yang bertuah kerana telah menghantar pendapat yang bermutu dan memenangi hadiah penghargaan adalah seperti berikut:

**MARJAHWATI BINTI MAIDIN**  
41 H, Kg. Sumbiling Lama, Bandar Seri Begawan 2084.  
(Memenangi hadiah penghargaan terbaik kedua \$40.00)

**RAZALI IBRAHIM**  
P.O. BOX 176  
Gadong 3101  
(Penghargaan terbaik ketiga \$30.00)

Minggu ini tidak ada peserta yang berjaya memenangi hadiah penghargaan terbaik pertama, dan sugu hati.

Tajuk Apa Pendapat Awda siaran 27 Julai, 1990 ialah: **TANAMKAN MINAT MEMBACA UNTUK MENINGKATKAN ILMU PENGETAHUAN.**

Tarikh akhir menghantar ialah hari Khamis jam 12.00 tengah hari bersamaan 19 Julai, 1990.

**S**ELAIN daripada penyiaran melalui radio penyiaran televisyen juga merupakan salah satu media penyiaran yang penting di negara kita.

Berbagai-bagai sumbangan telah disumbangkan oleh media penyiaran televisyen di negara kita semenjak 15 tahun ia ditubuhkan. Media penyiar-

an televisyen telah pun dengan giatnya menyiarkan berbagai-bagai rancangan yang boleh mendedahkan ilmu pengetahuan kepada kita sama ada ia berbentuk keagamaan, hal ehwal semasa dan banyak lagi. Sementara itu rancangan-rancangan hiburan juga turut disiarkan. Dengan itu tentu membuatkan para penonton menjadi terhibur dan tidak menjadi jemu dan bosan.

Sepanjang 15 tahun penubuhannya banyak perubahan yang telah dilakukan untuk meningkatkan bagi mutu penyiaran di negara kita ini namun terdapat juga kelemahan yang perlu diperbaiki umpamanya waktu siaran yang ada kalanya tidak sesuai dengan rancangan yang akan disiarkan.

Menyiarkan rancangan-rancangan yang berbentuk kekejaman boleh mendedahkan kesan-kesan negatif kepada para penonton terutamanya para remaja. Rancangan seperti ini kurang elok untuk disiarkan dan harus diubah kepada rancangan-rancangan yang lebih baik.

Pendek kata selama 15 tahun media penyiaran televisyen ditubuhkan berbagai-bagai usaha telah dilakukan untuk meningkatkan mutu penyiaran televisyen di negara kita agar setanding dengan negara-negara yang lain.

**Marjahwati binti Maidin**  
Pemegang hadiah terbaik kedua

## RENDANG SATE DAGING GULUNG

### Bahan-bahannya:

- ½ kilogram daging lembu (dipotong nipis)
- 2 camca air limau nipis
- 2 keping asam gelugur
- 3 helai daun kunyit
- 2 sm gula melaka
- 1 biji kelapa (diambil santan sebanyak 1 mangkuk)
- ½ biji kelapa dibuat kerisik
- 4 batang serai diketuk

### Bahan-bahan untuk digiling:

- 6 tangkai lada kering
- 3 ulas bawang putih
- 1 sm lengkuas
- 2 batang serai

- 4 ulas bawang merah
- 3 sm halia
- 2 biji buah keras
- Bahan-bahan untuk pemerap daging:**
- 2 camca besar jintan manis digoreng tanpa minyak dan diumbuk
- 2 sm kunyit digiling halus
- 5 ulas bawang merah
- Gula dan garam secukup rasa
- Bahan-bahan untuk dihiris:**
- 2 ulas bawang merah

- 1 sm halia
- 1 ulas bawang putih
- 1 batang serai

### Cara menyediakannya:

Daging yang diperap tadi digolong dan dicucuk dengan lidi. Setelah selesai semuanya ketepikan dahulu.



Panaskan kualiti/peruk masukkan santan sebentar hingga mendidih. Masukkan asam gelugur, diikuti dengan bahan-bahan yang digiling dan bahan-bahan yang dihiris dan juga masukkan serai yang telah diketuk tadi. Apabila bahan-bahan tadi sebatu masukkan daging dan masaklah hingga kuahnya pekat. Setelah hampir masak masukkan kerisik dan daun kunyit yang telah dipotong-potong. Akhir sekali masukkan garam, gula dan gula Melaka. Masaklah sehingga kering.

### Nya Nini . . .

## Mengatasi kesukaran meninggalkan anak

HATI akan terharu bila melihat anak-anak menangis bila hendak ditinggalkan bekerja atau berjalan keluar rumah, jangan risau cuba ini Nya Nini, ambil air sungai yang tertinggal pada lupak selepas pasang dalam, lalu air yang tertinggal di lupak setelah ia surut, dijadikan air mandi pada anak tadi selama tiga kali, insya-Allah anak damit itu tidak akan menangis lagi bila melihat kedua ayah ibunya berjalan meninggalkannya.

## Resipi







# SUSUNAN RANCANGAN TV

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## SIRI PILIHAN

### MY SECRET IDENTITY 'Long Shot'

(23 Julai, jam 4.40 petang)

ANDREW menerima jawatan sebagai kakitangan senifoto bahagian makalah di sekolahnya kerana ia ingin berkenalan dengan seorang gadis cantik (Beth) yang mana rencananya sering ke udara di muka depan kebakaran tersebut. Apabila kebakaran terjadi di sekolah tersebut, Andrew telah mengambil kesempatan ini dengan memberikan sekeping gambar yang menghidupkan kembali keyakinannya. Pelakon terdiri daripada Jerry O'Connell, Derek McGarth, Marsha Moreau dll.



PEMEGANG watak utama siri 'My Secret Identity'.

## BIMBINGAN ISLAM

(18 - 23 Julai)

BIMBINGAN Islam sepanjang minggu ini bertajuk 'Sopan Santun Menurut Pandangan Islam' (Bahagian I hingga VI).

#### BAHAGIAN "B" :

Tawaran di Bahagian "B" hendaklah dimasukkan tidak lewat dari hari Isnin 30 Julai, 1990. Tarikh terakhir mengembalikan dokumen tawaran ialah pada 27 Julai, 1990.

b. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Bahagian Tawaran dan QA, Jabatanarah, Bolkliah Garison Bangunan 150, semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

c. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan rujukan dan tajuk tawaran sepertimana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu. Contoh-contoh atau katalog-katalog asal mestilah disertakan bersama-sama borang tawaran dan dikembalikan ke Unit Tawaran, Bahagian Tawaran dan QA, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Bangunan 150, Bolkliah Garison. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

d. Cagaran tawaran pembekal adalah dikehendaki bagi semua tawaran sepertimana yang diiklankan dan akan dikembalikan kepada setiap pembekal yang menghantar tawaran jujur (bona-fide tender) setelah mengetahui pembekal yang berjaya.



## Iklan-iklan



### KEMENTERIAN KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk memenangi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

1. **PENGUASA PERUBATAN :**  
( Bilangan Kod : 113 06-190 )  
Tanggagaji : M.17 \$5400 sebulan.

ATAU  
M.18 \$6800 sebulan.

#### Kelayakan :

- Kelulusan perubatan asas yang diiktiraf serta 10 tahun pengalaman.
- Diploma dalam Kesihatan Awam.
- Diploma dalam pentadbiran perubatan.
- Lain-lain Diploma yang bersesuaian termasuklah pengurusan) dan pentadbiran perniagaan.
- Mestilah pada masa ini mengawash sebuah hospital yang mempunyai kemudahan-kemudahan dan alat-alat khas yang menyeluruh. Mestilah mahir dalam perancangan hospital dan mestilah berkhidmat dalam jawatan kanan.
- Calon-calon yang berpengalaman dalam pengurusan hospital pada masa ini memegang sebarang jawatan kanan periklinik boleh juga dipertimbangkan.
- Berumur di bawah 55 tahun.

#### Tugas-Tugas dan Tanggungjawab :

- Bertanggjawab kepada Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan bagi seluruh Pentadbiran hospital dan perkhidmatan periklinik dan bangunan di Hospital.
- Mentadbir, Mengawas dan mengarahkan kakitangan berbagai-bagai peringkat di Hospital dan mengurus masalah dan kebajikan kakitangan bilamana dikesendaki.
- Melaksanakan dasar-dasar dan tatacara Kementerian Kesihatan yang dipersetujui dan mengekalkan tahap pengurusan bagi hospital dan kakitangan.

#### 2. **PAKAR BEDAH :**

( Bilangan Kod : 113 06 111 )

Tanggagaji : M.18 B\$6800 sebulan dan  
'M' Elaun B\$1200  
ATAU  
M.19 B\$8000 sebulan dan  
'M' Elaun B\$1500

#### Kelayakan :

- Sebaik-baik Berumur di bawah 55 tahun.
- Berjawatan yang bertaraf pakar. Kelayakan yang lebih tinggi adalah perlu seperti F.R.C.S atau yang sebanding.

#### Tugas-Tugas dan Tanggungjawab :

- Pakar Perubatan yang berpengalaman luas yang akan memajukan dan menjalankan bahagian kecederaan disebuah hospital baru yang mempunyai 500 buah katil.
- Dikehendaki juga menyumbangkan penjaan terhadap pesakit-pesakit di mana dia adalah pakar.

#### Syarat-syarat lantikan :

Pemohon-pemohon yang berjaya akan dilantik secara bekongtrak selama 3 tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga di bayar. Faedah-faedah termasuklah tumbang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25% daripada gaji setelah genap menamatkan kontrak.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah genap menamatkan tempoh percubaan.

#### Am :

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikesendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

#### Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah dikesendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup : 30 Julai, 1990.

Bilangan Pendaftaran : 28/1990. (E/1263/85)



### KEMENTERIAN PERTAHANAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

#### BAHAGIAN "A" :

BILANGAN : DFP/90/X/3074  
MEMBEKAL : TARGET MATERIALS

BILANGAN : DFP/90/Y/4048  
MEMBEKAL : COMPRESSED AIR BREATHING APPARATUS

BILANGAN : DFP/90/Y/4050  
MEMBEKAL : VIDEO CAMERA COMPLETE

BILANGAN : DFP/90/Y/4053  
MEMBEKAL : BOAT WOODEN

**BAHAGIAN "B" :**  
BILANGAN : DFP/90/X/3085  
MEMBEKAL : SUPPLY OF BLADE CEILING FAN

BILANGAN : DFP/90/X/3086  
MEMBEKAL : POUCH WATER BOTTLE

BILANGAN : DFP/90/X/3094  
MEMBEKAL : MITSUBISHI DIAZO-SENSITIVE PAPER & AMMONIA DEVELOPER TO ARCHITECT SECTION

BILANGAN : DFP/90/Y/4046  
MEMBEKAL : GEMINI INFLATABLE RUBBER

BILANGAN : DFP/90/Y/4052  
MEMBEKAL : DIESEL ENGINE GENERATOR

BILANGAN : DFP/90/Y/4056  
MEMBEKAL : MITUTOYO

BILANGAN : DFP/90/Y/4057  
MEMBEKAL : SNAP ON TOOLS

BILANGAN : DFP/90/Y/4058  
MEMBEKAL : CONCRETE MIXER PORTABLE

BILANGAN : DFP/90/Z/3099  
MEMBEKAL : BATTERY 12V

BILANGAN : DFP/90/Z/3101  
MEMBEKAL : BULB ELECT

BILANGAN : DFP/90/Z/3102  
MEMBEKAL : DISC SANDING

**BAHAGIAN "C" :**  
BILANGAN : DFP/90/X/3090  
MEMBEKAL : SUPPLY OF BATTERY

BILANGAN : DFP/90/X/3091  
MEMBEKAL : SUPPLY OF COOKER ELECTRIC

BILANGAN : DFP/90/X/3092  
MEMBEKAL : SUPPLY OF TYRE 1200 X 20 - 16PR

BILANGAN : DFP/90/X/3093  
MEMBEKAL : SUPPLY OF CANOPY L/R 4 TON

BIL : JPE/TB/44/1990

#### Tajuk Kerja :

PEMELIHARAAN ALAT-ALAT HAWA DINGIN JENIS CENTRAL DI MAKTAB P.M.A.M.B. GADONG, PASAR GADONG, DAN SEKOLAH MENENGAH AWANG SEMAUN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Cengkeram : \$200.00

#### Tarikh Tutup :

30 Julai, 1990 hari Isnin jam 12.00 tengah hari.

#### Tempat Tutup :

Kotak Tawaran, Kementerian Kewangan.

#### Kelayakan Pemborong :

Kelas "A", "B" dan "C", Hawa Dingin.

### JABATAN PERKHIDMATAN- PERKHIDMATAN ELEKTRIK NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BIL : JPE/TB/47/1990

#### Tajuk Kerja :

PEMELIHARAAN ALAT-ALAT HAWA DINGIN JENIS CENTRAL DI PEJABAT BARU DAERAH BELAIT, MAKTAB TEKNIK JEFRI BOLKIAH, SEKOLAH MENENGAH PERDANA WAZIR, TRAFFIC SQUAD, SEKOLAH MENEHGAH MUMONG, STUDIO SIARAN PENDERATAN IKAN, IBU PEJABAT MAHKAMAH, DEWAN BAHASA & PUSTAKA SERIA, PEJABAT KESIHATAN DAN POS OPIS KUALA BELAIT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. UNTUK JANGKAMASA SELAMA TIGA (3) TAHUN.

Cengkeram : \$200.00

#### Tarikh Tutup :

23 Julai, 1990, hari Isnin jam 12.00 tengah hari.

#### Tempat Tutup :

Kotak Tawaran, Kementerian Kewangan.

#### Kelayakan Pemborong :

Kelas "A", "B" dan "C", Hawa-Dingin.

BIL : PPL/TB/50/1990

#### Tajuk Kerja :

SUPPLY AND DELIVERY OF AIR-FIELD LIGHT FITTINGS, BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Cengkeram : \$200.00

#### Tarikh Tutup :

30 Julai, 1990 hari Isnin jam 12.00 tengah hari.

#### Tempat Tutup :

Kotak Tawaran, Kementerian Kewangan.

#### Kelayakan Pemborong :

Pemborong Elektrik Kelas "A" dan "B" atau Pembekal.

BIL : JPE/MTB/148/90

#### Tajuk Kerja :

AIR CONDITIONING INSTALLATION FOR REFURBISHMENT OF GENERAL POST OFFICE, B.S.B.

Cengkeram : \$200.00

#### Tarikh Tutup :

25 Julai, 1990, hari Rabu jam 12.00 tengah hari.

#### Tempat Tutup :

Kotak Tawaran, Kementerian Pembangunan.

#### Kelayakan Pemborong :

Kelas "A", "B" dan "C" sahaja (Hawa Dingin).

BIL : JPE/MTB/158/90

#### Tajuk Kerja :

PEMASANGAN HAWA DINGIN BAGI CADANGAN PEJABAT POS LUAR BANDAR JENIS 'D' UNTUK KAMPUNG LAMUNIN, TUTONG.

Cengkeram : \$200.00

#### Tarikh Tutup :

25 Julai, 1990, hari Rabu jam 12.00 tengah hari.

#### Tempat Tutup :

Kotak Tawaran, Kementerian Pembangunan.

#### Kelayakan Pemborong :

Kelas "A", "B" dan "C" sahaja (Hawa Dingin).

BIL : JPE/MTB/184/1990

#### Tajuk Kerja :

SPLIT UNIT AIR CONDITIONING INSTALLATION TO THE PROPOSED INFORMATION BUILDING AT OLD AIRPORT, JALAN BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Cengkeram : \$100.00

#### Tarikh Tutup :

25 Julai, 1990, hari Rabu jam 12.00 tengah hari.

#### Tempat Tutup :

Kotak Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan.

#### Kelayakan Pemborong :

Kelas "A", "B" & "C" Sahaja (Hawa Dingin).

PERINGATAN :

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Tingkat 3, Bangunan SPA, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.



## Iklan-iklan



### JABATAN LAUT KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

BIL. TAWARAN : JL/5A/1990

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari 'Pembuat-pembuat Kapal Yang Sah Sahaja' bagi : "MEREKA MEMBINA DAN MENGINIRIM SEBUAH KAPAL" 'SUCTION HOPPER DREDGER'.

2. Butir-butir lengkap tawaran dan syarat-syarat am kontrak boleh didapati oleh pembuat-pembuat kapal atau wakil-wakil yang disahkan dengan bayaran yuran dokumen \$15.00 (tidak dikembalikan) bagi setiap permohonan semasa waktu bekerja dari Pejabat Pengarah Laut, Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Bandar Seri Begawan 2053, Negara Brunei Darussalam.

3. Tarikh tutup tawaran :

Jam 12.00 tengah hari, pada 20 Ogos, 1990.

BIL. JL/9/1990

TAWARAN-tawaran akan diterima dari Kategori MSB kelas 2 atau 3 atau Broker-Broker Insurans laut yang berkelayakan bagi "MARINE INSURANCE" untuk kapal-kapal Jabatan Laut Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

2. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan didalam sampul surat yang bertutup rapi (sealed) dengan menyatakan "TENDER FOR MARINE INSURANCE" di bahagian atas sebelah kiri tanpa menyatakan nama penender dan dihantar kepada alamat berikut :

Pengerusi,  
Lembaga Tawaran Kecil,  
Kementerian Perhubungan,  
Tingkat 3, Bangunan Telekom,  
Lapangan Terbang Lama Berakas,  
Bandar Seri Begawan 1150,  
Negara Brunei Darussalam.

3. Sebarang keterangan-keterangan lanjut mengenai kapal atau perlindungan insurans yang diperlukan bolehlah diperolehi dari Pejabat Pengarah Laut, Kementerian Perhubungan, Bandar Seri Begawan 2053, Negara Brunei Darussalam.

4. Tarikh tutup : 25 Julai, 1990, jam 2.00 petang.

BIL. JL/10/1990

TAWARAN-tawaran adalah diterima dari Pembekal-pembekal yang berkelayakan untuk "MEMBEKALKAN ALAT PERKAKAS BAGI MEMBAIKI DAN MEMELIHARA" bagi Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Bandar Seri Begawan 2053, Negara Brunei Darussalam.

2. Butir-butir lengkap mengenai alat-alat, dan syarat-syarat tawaran bolehlah didapati dari Pejabat Pengarah Laut, Jabatan Laut, Bandar Seri Begawan 2053, Negara Brunei Darussalam.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa tertutup dan ditulis dengan "MEMBEKAL ALAT PERKAKAS BAGI KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MEMELIHARA JL/10/1990" dan dilampirkan kepada :

- Untuk tawaran harga :  
Pengerusi,  
Lembaga Tawaran Kecil,  
Kementerian Perhubungan,  
Tingkat Dua, Bangunan Telekom,  
Bandar Seri Begawan 1150,  
Negara Brunei Darussalam.
- Untuk contoh/katalog  
(jika ada) :  
Pengarah Laut,  
Jabatan Laut,  
Bandar Seri Begawan 2053,  
Kementerian Perhubungan,  
Negara Brunei Darussalam.

4. Tawaran-tawaran akan diterima di alamat yang berkenaan tidak lewat jam 2.00 petang, 25 Julai, 1990.

BIL. TAWARAN : JL/11/1990

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari 'Limbagan Kapal Katagori MEA Kelas II atau III' bagi : "DOCKING AND REPAIR OF TANJUNG PUAN."

2. Butir-butir lengkap tawaran dan syarat am kontrak boleh didapati dengan bayaran yuran dokumen \$10.00 (tidak dikembalikan) semasa waktu bekerja dari Pejabat Pengarah Laut, Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Bandar Seri Begawan 2053, Negara Brunei Darussalam.

3. Tarikh tutup tawaran :

Jam 2.00 petang, pada 8 Ogos, 1990.



### JABATAN PERKHIDMATAN- PERKHIDMATAN ELEKTRIK NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BIL : JPE/MTB/190/1990

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Kecil yang beralamat Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, 1190, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 8 Ogos, 1990 bagi kerja-kerja berikut : —

EXTENSION OF ELECTRICAL SUPPLY SYSTEM TO KAMPONG LEPONG LAMA TEMBURONG.  
Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$100.00.

BIL : JPE/MTB/177/1990

Tajuk Kerja :

REPLACEMENT OF ONE FIAM PASSENGER LIFT AT BLOCK-A OF RANK & FILE POLICE FLAT, JALAN STONEY, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Cengkeram : \$200.00

Tarikh Tutup :

5 September, 1990, hari Rabu jam 12.00 tengah hari.

Tempat Tutup :

Kotak Tawaran, Kementerian Pembangunan.

Kelayakan Pemborong :

Qualified Lift Maintenance Contractors Only.

BIL : JPE/MTB/178/1990

Tajuk Kerja :

REPLACEMENT OF ONE FIAM PASSENGER LIFT AT BLOCK-B OF RANK & FILE POLICE FLAT, JALAN STONEY, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Cengkeram : \$200.00

Tarikh Tutup :

5 September, 1990, hari Rabu jam 12.00 tengah hari.



### DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI PENGUSAHA WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN

No. 248/1989

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Awang Hj. Ahad bin Haji Tuah kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Dyg. Rusiah binti Abd. Latif yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah suami kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 24 Julai, 1990, pada jam 9.15 pagi.  
Bertarikh 26 Jun, 1990.

No. 123/1990

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Hajjah Azizah binti Jintan @ Hajjah Tajah dan Hj. Md. Fadil bin Hj. Aji kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Haji Aji bin Abdul Garai yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah bahu dan anak lelaki kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 24 Julai,



### JABATAN TELEKOM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi :  
1. Membekal dan Menghantar 'D.C. Power Systems dan D.C. Distribution Boards'.  
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, ditulis dengan :

TAWARAN BAGI MEMBEKAL DAN MENGHANTAR 'D.C. POWER SYSTEM DAN D.C. DISTRIBUTION BOARDS'.

BIL : JTB/STEE(PD)/6/1990

tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada :

Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil,  
Kementerian Perhubungan,  
Tingkat Tiga, Bangunan  
Kementerian Perhubungan,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas,  
Bandar Seri Begawan 1150,  
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat jam 3.00 petang hari Rabu, 15 Ogos, 1990.

3. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Pengarah Telekom, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan Negara Brunei Darussalam, dengan menunjukkan resit cagaran berjumlah \$100.00 (tidak dikembalikan) dan \$200.00 (dikembalikan).

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

6. Pembayaran wang cagaran hendaklah dibayar sama ada dengan Wang Tunai atau dengan Cek Tempatan beserta dengan Bank Guarantee.

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi :  
'Supply, Delivery, Installation, Testing and Commissioning of Digital Earth Station Equipment (IDR)'.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar didalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan :

TAWARAN BAGI 'SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING OF DIGITAL EARTH STATION EQUIPMENT (IDR)'.

BIL : JTB/STEE(PD)/7/1990

tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada :

Pengerusi, Lembaga Tawaran,  
Kementerian Kewangan, Tingkat 4,  
Jalan James Pearce,  
Bandar Seri Begawan 1130,  
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat jam 12.00 tengah hari pada hari Isnin 17 September, 1990.

3. Empat set Bahagian Teknikal dari tawaran-tawaran berkenaan hendaklah dihantar kepada :

Pengarah Telekom,  
Jabatan Telekom,  
Bandar Seri Begawan 2051,  
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat jam 12.00 tengah hari pada hari Isnin 6 September, 1990.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Pengarah Telekom, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, dengan menunjukkan resit cagaran berjumlah \$200.00 (tidak dikembalikan) dan \$2,000.00 (dikembalikan).

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

6. Pembayaran wang cagaran hendaklah dibayar sama ada dengan Wang Tunai atau Cek Tempatan beserta dengan Bank Guarantee.

7. Pemborong-pemborong hendaklah menyertakan salinan Pendaftaran Perniagaan bersama-sama dengan tawarannya.

Tempat Tutup :

Kotak Tawaran, Kementerian Pembangunan.

Kelayakan Pemborong :

Qualified Lift Maintenance Contractors Only.

BIL : JPE/TB/52/1990

Tajuk Kerja :

REPLACEMENT OF TWO TOSHIBA PASSENGER LIFTS AT TELEPHONE HOUSE, JALAN SUMBILING, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Cengkeram : \$200.00

Tarikh Tutup :

3 September, 1990, hari Isnin jam 12.00 tengah hari.

Tempat Tutup :

Kotak Tawaran, Kementerian Kewangan.

Kelayakan Pemborong :

Qualified Lift Maintenance Contractors Only.

BIL : PPL/TB/41/1990

Tajuk Kerja :

PEMELIHARAAN LOJI HAWA DINGIN UNTUK RUMAH KEDIAMAN RASMI ORANG-ORANG KENAMAAN, RUMAH KEDIAMAN MENTERI-MENTERI, RUMAH KEDIAMAN TIMBALAN, TIMBALAN MENTERI, DAN RUMAH KEDIAMAN SETIAUSAHA-SETIAUSAHA TETAP, TERMASUK PERUMAHAN ORANG-ORANG KENAMAAN BERIBI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM UNTUK MASA TIGA (3) TAHUN. BILANGAN KUMPULAN TAWARAN : 3A.

Tempat Tutup :

Kotak Tawaran, Kementerian Kewangan.

Cengkeram : \$200.00

Tarikh Tutup :

20 Ogos, 1990, hari Isnin jam 12.00 tengah hari.

Kelayakan Pemborong :

Kelas "A" atau "B" Hawa-Dingin.

1990, pada jam 9.00 pagi.  
Bertarikh 26 Jun, 1990.

No. 136/1981

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Haji Mohamad Faizan bin Metussin kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Metussin bin Abdullah @ Sibal bin Ladang yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak lelaki kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 24 Julai, 1990, pada jam 10.00 pagi.  
Bertarikh 27 Jun, 1990.

### PERINGATAN :

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.



---



## Belia dan Sukan

### Perlumbaan Jalan Kaki BISTARI

BERAKAS, 8 Julai. — Lebih 80 orang ahli keluarga Persatuan Isteri-isteri Pegawai Kerajaan (BISTARI) menyertai pertandingan perlumbaan jalan kaki pada hari Ahad lepas.

Perlumbaan berjalan sejauh 7 kilometer bermula dan berakhir di Stadium Negara Hassanal Bolkiah Berakas.

Menyertai pertandingan itu ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman serta Setiausaha Tetap Dasar dan Pentadbiran, Kementerian Pertahanan, Dato Paduka Awang Haji Alimin dan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Chuchu.

Pertandingan itu adalah bagi mengutip tabung BISTARI dan sebahagian dari hasil kutipan akan didermakan kepada tabung orang-orang cacat.

Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama di akhir pertandingan itu, telah menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang.

Pemenang pertama bahagian lelaki ialah Awang Rusdi Amin bin Dato Haji Yakub, tempat kedua ialah Awang Roslin bin Dato Haji Yakub dan ketiga jatuh kepada Awang Mohammad Yazid bin Dato Haji Yakub.

Manakala bahagian wanita, dimenangi oleh Dayang Yanti bin Dato Haji Abdul Rahman, tempat kedua Dayang Maria Boyd dan ketiga dimenangi oleh Dayangku Subliyat bin Pengiran Haji Tuah.

Hadir sama di majlis itu ialah Isteri Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Datin Hajjah Edah binti Haji Mohd. Noor.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (di kanan sekali) ketika menyertai perlumbaan jalan kaki anjuran BISTARI. — Gambar oleh Pg Kamaluddin PHAR.

### Sukan Ria Tunas Puteri

LEBIH 200 orang Tunas Puteri dari tujuh buah sekolah di Daerah Brunei dan Muara mengambil bahagian dalam sukan ria yang berlangsung di Ibu Pejabat Persatuan Pandu Puteri di Jalan Sinuai dekat sini.

Di sukan ria yang diadakan pada pagi Jumaat, 29 Jun lepas itu tujuh acara telah dipertandingkan termasuk permainan tradisi bagi ahli-ahli Tunas Puteri yang berumur di antara tujuh dan 12 tahun.

Di antara yang hadir di pesta sukan yang bertemakan 'Otak Yang Sihat Berada Dalam Badan Sihat' itu ialah Penasihat Persatuan Pandu Puteri, Datin Paduka Dayang Hajjah Jusnani binti Haji Lawie, yang juga menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang.

Pasukan terbaik ialah Sekolah Kanak-Kanak Gurkha dari Unit Simpanan Gurkha.

Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam

kini mempunyai lebih 2,000 orang ahli di seluruh negara termasuk Tunas Puteri.

### Bolasepak 7 sepasukan

KESATUAN Pemuda-Pemudi Kampong Sungai Kedayan akan menganjurkan perlawanan bolasepak tujuh orang sepasukan bagi merebut Piala Awang Ahmad bin Jeludin sempena sambutan perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-44 tahun.

Menurut Setiausaha perlawanan itu, Awang Metali bin Haji Mohd. Tahir, perlawanan itu yang akan bermula pada 29 Julai ini adalah terbuka kepada kelab-kelab, persatuan belia dan kebajikan, maktab-maktab, sekolah-sekolah, jabatan-jabatan kerajaan dan pihak swasta di keempat daerah.

Borang permohonan dan keterangan boleh diperolehi dari:

Awangku Shahbudin bin Pengiran Duraman, Kaunter Pertanyaan, Bank Hongkong dan Shanghai, Bandar Seri Begawan.

Awang Mahari bin Haji Kula, Kampong Sungai Kedayan 'A' dan Awang Dullah bin Haji Safar, Bahagian Sakit Jiwa, Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan.

Tarikh tutup permohonan ialah 27 Julai 1990, pukul 2.00 petang.

## Sukan Arnis Filipina Harapan negara kutip pingat cerah

KELOLAAN ABD. KARIM HAB

LEBIH 280 orang ahli-ahli pertubuhan seni silat di bawah PERSIB, pertubuhan belia dan badan kebajikan serta orang perseorangan yang menyertai bengkel sukan seni mempertahankan diri, Arnis Filipina selama dua minggu yang dilancarkan pada 18 Jun yang lalu di Pusat Belia di sini kini telah berakhir malam tadi.

Penutupan rasmi bengkel tersebut disempurnakan oleh Naib Yang Dipertua Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BNOC) merangkap Yang Dipertua PERSIB, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Pengiran Haji Moktar Puteh bin Pengiran Haji Rajid.

Yang Amat Mulia juga menyampaikan siji-siji kepada para peserta bengkel. Di majlis itu para peserta bengkel dan dua orang pakar Arnis dari Filipina juga membuat persembahan sukan Arnis.

Menurut Awang Haji Ibrahim bin Haji Mohd. Yusof, salah seorang juri yang mengikuti Bengkel Sukan Arnis ini menjelaskan, para peserta negara kita yang mengikuti Bengkel Sukan Arnis, Filipina ini bolehlah dikatakan memajukan dalam pencapaian mereka dalam sukan Arnis ini, memandangkan sukan Arnis ini masih asing dan baru di negara kita dan dari segi latihan pula para peserta hanya berkesempatan menerima latihan dan tunjuk ajar mengenai sukan Arnis hanya selama dua minggu saja dari pakar-pakar Arnis dari Republik Filipina.

Menurutnya lagi, para peserta negara kita jika diasuh dan dilatih bersungguh-sungguh dalam sukan Arnis ini, insya Allah para peserta negara kita boleh dan mempunyai harapan yang cerah bagi meraih sebarang pingat di Sukan SEA di Manila nanti, memandangkan selama dua minggu mereka mengikuti Bengkel Sukan Arnis

ini mereka sudah boleh memperlihatkan mutu persembahan yang boleh dianggap baik.

Bengkel itu dikendalikan oleh empat orang pakar Arnis yang didatangkan dari Filipina ke negara ini, yang menunjukkan ajar asas-asas sukan Arnis, latihan kejurulatihan dan pengadil.

Bengkel itu dianjurkan oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan

Sukan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dengan kerjasama Persekutuan Pencak Silat Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (PERSIB).

Matlamat bengkel tersebut adalah antara lain sebagai persiapan negara kita menyertai sukan Arnis yang merupakan salah satu dari 24 acara yang dituliskan bagi Sukan SEA di Manila tahun depan.



NAIB Yang Dipertua Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam (BNOC) merangkap Yang Dipertua PERSIB, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Pengiran Haji Moktar Puteh bin Pengiran Haji Rajid ketika menyampaikan cenderamata kepada wakil Arnis dari Republik Filipina. Gambar oleh Harun Rashid.

### Perlawanan b-tampar

PASUKAN lelaki dan wanita Jabatan Lembaga Bandaran telah memenangi perlawanan pembukaan Kejohanan Bola Tampar Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang diadakan di Bengkel Lembaga Bandaran, Jalan Berakas pada 23 Jun lepas.

Dalam perlawanan di antara pasukan lelaki Jabatan Lembaga Bandaran 'B' bertemu Jabatan Kemajuan Kerjasama di dua pusingan, berkesudahan 15 - 3, 15 - 3.

Sementara pertarungan di antara pasukan wanita Jabatan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan dan Jabatan Daerah Temburong dalam kedua-dua pusingan telah dimenangi oleh Jabatan Lembaga Bandaran dengan memperoleh 15 - 4, 15 - 2.

Perlawanan bola tampar di antara jabatan-jabatan kerajaan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kali kedua pada tahun ini dikendalikan oleh Jabatan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan.

Pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, Pengiran Dato Paduka Haji Jaludin bin Pengiran Mohd. Limbang adalah selaku tetamu kehormat di perasmian kejohanan itu yang disertai oleh 16 buah pasukan termasuk tiga pasukan wanita.



SEBAHAGIAN daripada pandu puteri yang menyertai sukan ria. — Gambar oleh Halim HJ. Sulaiman.



PENGIRAN Dato Paduka Haji Jaludin bin Pengiran Mohd. Limbang, Pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan diperkenalkan kepada pasukan-pasukan yang mengambil bahagian. — Gambar oleh Pg. Haji Yakub.



# NIAKAN AN

dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajjah Mazuin; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Norhayati; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam serta lain-lain ahli kerabat diraja.

Di istiadat tersebut Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah.

Sejurus selepas itu, baginda berkenan mengurniakan bintang-bintang kebesaran kepada 50 orang.

Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Haji Awang Ismail bin Omar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam ketika berangkat sejurus selesai Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran yang berlangsung di Balai Singgahsana Istana Nurul Iman.



BAGINDA berkenan mengurniakan Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Darussalam Yang Amat Bersinar Darjah Kedua (D.S.S.U.B.) kepada Yang Dimuliakan Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Setia Haji Awang Mohd. Tamin bin Abdul Hamid.

BAGINDA berkenan mengurniakan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua (D.P.M.B.) kepada Hajji Abdul Aziz bin Mohammad, Timbalan Pengarah Perjawatan.

BAGINDA berkenan mengurniakan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua (D.P.M.B.) kepada Awang Othman bin Awang Damit, Pegawai Daerah Tutong.





# Kehidupan beragama dan beraja lahirkan suasana harmoni, stabil — titah

DARI MUKA 2

yang bersih dan sistematik, boleh menjadi punca atau sumber kesihatan dan kesejahteraan yang amat berguna. Dan jika perlu bagi tujuan ini, kita tidak salah untuk membuat kawalan-kawalan, seperti melalui peraturan-peraturan yang tertentu, sebagaimana juga terdapat di negara-negara lain yang membuat peraturan seperti itu.

Air, elektrik dan telefon, juga merupakan keperluan-keperluan asas yang sangat-sangat diutamakan oleh kerajaan. Kerana itu, bagi sistem pembekalan dan pengawalannya, kerajaan telah pun membelanjakan wang begitu banyak. Beta berharap, kita bukan saja pandai berbelanja, tetapi juga dapat menunjukkan perkhidmatan-perkhidmatan yang efisien serta berkesan, setimpal dengan perbelanjaan-perbelanjaan yang besar itu, sehingga pada akhirnya dapatlah kita mengatasi kelemahan-kelemahan dan kesulitan-kesulitan yang sering dihadapi selama ini.

Sejajar dengan dasar kerajaan melaksanakan perancangan dan perkembangan pentadbiran mengikut kemampuan dan keutamaan di sepanjang tahun 1989 dan 1990, berbagai-bagai perkembangan telah dapat dilakukan, antara lain ialah pembukaan sebuah cawangan Perbadanan yakni sub-treasury di Daerah Temburong.

Dengan adanya penubuhan cawangan ini, akan dapat memberikan kemudahan-kemudahan kepada rakyat dan penduduk di Daerah Temburong untuk berurusan dengan Pejabat Kewangan di dalam membuat pembayaran ataupun menerima pembayaran, yang mana sebelumnya mereka terpaksa ke Bandar Seri Begawan untuk membuat urusan-urusan kewangan mereka.

Insyallah, perkhidmatan-perkhidmatan seperti ini akan sentiasa diberikan perhatian oleh kerajaan bagi menampung keperluan semasa.


Di dalam aspek lain, dengan terdapatnya keupayaan yang meningkat oleh Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, satu kemajuan juga telah dicapai pada tahun ini dalam mana jemaah-jemaah haji kita yang menunaikan fardu haji ke Mekah telah diterbangkan oleh Syarikat Penerbangan Diraja Brunei sendiri, walaupun pada mulanya sedikit kesulitan telah dihadapi iaitu mengenai dengan harga tambang. Tetapi alhamdulillah, dengan taufik dan hidayah Allah kepada beta, maka kesulitan tersebut telah dapat diatasi dengan tiada perlu menyusahkan rakyat atau para jemaah itu.

## PERKHIDMATAN ASAS

Kesihatan adalah juga merupakan satu peringkat kemajuan dalam mana kita juga turut sama memainkan peranan ke arah keamanan dan kestabilan serantau dan juga di dalam penyelesaian masalah-masalah dunia antarabangsa.

Peranan aktif yang kita mainkan ini menunjukkan bahawa Negara Brunei Darussalam mengambil berat akan pentingnya diplomasi di dalam mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara. Kerana apa yang ketara dewasa ini, diplomasi adalah merupakan sebagai benteng pertahanan utama yang dimainkan oleh negara-negara, tidak kira sama ada kuasa besar atau negara-negara kecil, di dalam menyelesaikan masalah-masalah serantau dan antarabangsa.

Kita juga mesti memahami iaitu selain daripada kestabilan ekonomi dan kewangan negara, kebolehan kita untuk memainkan diplomasi yang berkesan dan baik, juga akan dapat menyumbangkan ke arah perkembangan, kemajuan dan kemandirian ekonomi dan



**APAKAH tidak mustahak bagi pihak-pihak berkenaan di dalam kerajaan menambahkan kajian dan penelitiannya lagi, sehingga kesulitan-kesulitan rakyat itu benar-benar dapat di-huraikan dengan saksama dan berkesan.**

sosial di negara ini. Tetapi dalam pada itu, dalam bidang amalan diplomasi ini, pihak kita akan sentiasa berhati-hati, supaya kita tidak akan sampai dikelirukan apatah lagi yang boleh mencederakan kita.

Negara Brunei Darussalam akan sentiasa mengembangkan hubungan persahabatan melalui penubuhan hubungan-hubungan diplomatik dengan negara-negara sahabat.

## HUBUNGAN DIPLOMATIK

Beta sukacita menyatakan bahawa Negara Brunei Darussalam sejak mengambil semula tanggungjawab antarabangnya sekarang mempunyai hubungan diplomatik dengan 56 buah negara sahabat dengan menubuhkan 16 perwakilan diplomatik menetap.

Baru-baru ini Negara Brunei Darussalam telah menubuhkan perwakilan menetap yang baru iaitu di Paris dan Oman. Insyallah sebelum penghujung tahun ini perwakilan menetap juga akan dibuka di Republik Persekutuan Jerman.

Dalam bidang rohani, Negara Brunei Darussalam sudah lama terkenal sebagai sebuah negara Islam yang mantap dengan tradisi berilmu dan beramal dengan baik. Di antara ciri-ciri yang baik itu, ialah kehidupan taat beragama dan beraja.

Beta amat bersyukur, kerana dengan corak kehidupan yang terpuji ini, Negara Brunei Darussalam telah dapat menikmati keamanan dan kebahagiaan yang sebenar-benarnya. Beta juga yakin, bahawa kehidupan yang kita amalkan ini, telah dikagumi oleh dunia luar, sama ada jauh mahupun dekat. Tegasnya, berlandaskan kehidupan beragama dan kehidupan beraja ini, kita telah berjaya melahirkan suasana yang harmoni dan stabil, jauh daripada kacau-bilau, sunyi daripada hasad dengki dan fitnah-memfitnah, seperti perbuatan suka mengadakan perkara yang tidak benar, dengan tujuan membersihkan diri, lebih-lebih lagi dengan cara membujuk-burukkan orang lain. Cara ini adalah salah dan mesti dicegah. Sebaliknya, kehidupan cara orang-orang Brunei yang kuat beragama dan taat beraja, mestilah kita teruskan, dan jangan siapa-siapa yang cuba mencemarinya. Kerana kita tidak boleh bertolak ansur walau sedikit pun, dengan orang-orang yang cuba menguruhkan suasana yang sedia biasa dan tenteram ini, tidak kira sama ada percubaan itu setakat kata-kata, atau apatah lagi dengan perbuatan.

Beta berharap, corak kebruneian yang tulen, akan lebih diperkuatkan lagi, iaitu dengan cara,

hendaklah kita terus memelihara dan memajukan syiar Islam yang suci, dengan melalui apa jua saluran yang sudah sedia ada.

Di antara saluran-saluran tersebut, ialah seperti sekolah-sekolah agama dan institusi-institusi pengajian agama, yang beta percaya ianya amat diminati oleh sebahagian besar dari kalangan umat Islam di negara ini. Di antara langkah-langkah ke arah itu, ialah seperti menggalakkan pengambilan penuntut-penuntut sekolah Arab dengan lebih ramai lagi, mengkaji dari masa ke semasa kurikulum dan sukatan-sukatan pelajaran, sehingga ianya benar-benar bersesuaian dengan masa dan keperluan-keperluan jangka panjang. Termasuk di antara keperluan-keperluan itu, ialah untuk mendapatkan lulusan-lulusan agama yang lebih ramai dan berkualiti. Di samping sebelum itu, perlu pula dipastikan bahawa penuntut-penuntut tersebut akan beroleh kemudahan-kemudahan yang selayaknya, untuk mereka dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Perkara ini, hendaklah diusahakan, bukan hanya setakat kita menghantar dan melepaskan mereka memasuki mana-mana pusat pengajian, sedang keadaan misalnya, kurang memungkinkan untuk mereka beroleh kejayaan yang diharapkan. Jika terdapat perkara yang seumpama ini, maka kajian dan perundingan mengenai ini adalah mustahak.


Juga satu saluran yang tidak kurang pentingnya, ialah Majlis Ugama Islam. Majlis ini akan terus berfungsi, kerana ia sangat penting untuk menasihatkan beta di dalam apa jua perkara yang berkaitan dengan hal ehwal agama.

Demikian juga saluran-saluran lain untuk menghidupkan syiar Islam itu, ialah melalui kegiatan-kegiatan dakwah dan rancangan-rancangan sambutan bagi hari-hari bersejarah Islam. Rancangan-rancangan bagi kedua-dua saluran ini, mustahaklah disusun dan diperbesarkan lagi menurut kesesuaiannya.

## BERJIMAT CERMAT

Dalam bidang kewangan, semua kementerian dalam kerajaan perlulah terus mengamalkan langkah berjimat cermat di dalam perbelanjaan, iaitu bagi menghadapi keperluan masa depan. Dalam pada itu juga, kita mestilah mensedap-dankannya dengan pendapatan negara serta mengikut peraturan-peraturan kewangan yang telah ditetapkan.

Walau bagaimanapun, langkah berjimat cermat melalui budget yang realistik tidaklah



**KITA juga mesti memahami iaitu selain daripada kestabilan ekonomi dan kewangan negara, kebolehan kita untuk memainkan diplomasi yang berkesan dan baik, juga akan dapat menyumbangkan ke arah perkembangan, kemajuan dan kemandirian ekonomi dan sosial di negara ini.**

berereti bahawa kerajaan memberhentikan ataupun menangguhkan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang penting dan diperlukan oleh rakyat.

Bagi memastikan kesejahteraan dan kemakmuran negara dan rakyat, kerajaan adalah juga sentiasa berusaha untuk membangunkan ekonomi negara melalui perindustrian dan mengembangkan bidang-bidang pertanian, perhutanan dan perikanan.

Menuju ke arah ini, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama sedang giat membuat promosi untuk mengenalkan Negara Brunei Darussalam kepada negara-negara industri yang maju sebagai sebuah tempat pelaburan yang kompetitif.

Beta telah difahamkan bahawa beberapa buah negara industri yang maju telah memperihatkan minat mereka dalam penyelidikan perindustrian di negara ini. Sementara itu, beberapa projek perusahaan akan bermula dalam sedikit masa lagi.

Memandangkan persaingan di kalangan negara-negara di rantau ini begitu kompetitif untuk menarik pelabur-pelabur luar negeri, maka kita di Negara Brunei Darussalam hendaklah memperihatkan kepada pelabur-pelabur asing dan gambaran ini keadaan Negara Brunei Darussalam yang sebenarnya bahawa ia juga mempunyai perkara-perkara yang menarik di berbagai-bagai aspek jika dibandingkan dengan negara-negara di rantau ini.

Ke arah ini, ianya memerlukan kerjasama serta sokongan dari semua pihak di dalam dan di luar kerajaan.

## PERHATIAN BERAT

Menyentuh mengenai dengan soal memberikan peluang untuk memajukan perusahaan-perusahaan anak tempatan di negara ini, adalah perlu bagi kerajaan untuk memberikan perhatian pada meningkatkan lagi bantuan-bantuan dan sokongan yang diberikan kepada usahawan-usahawan tempatan.

Dengan cara demikian, ianya akan memberikan kepercayaan kepada orang ramai bahawa pihak swasta juga mempunyai masa depan yang cerah untuk turut sama-sama menjamin masa depan rakyat dan penduduk yang berkerja dengan sektor swasta, iaitu sebagai sumbangan mereka itu kepada kerajaan dan negara ini. Dengan adanya sumbangan yang seumpama itu daripada sektor swasta, maka sebahagian daripada rakyat dan penduduk negara ini akan lebih mudah mendapatkan pekerjaan dengan tidak semata-mata bergantung kepada kerajaan.

Sebagaimana kita semua tahu, bahawa tahun demi tahun, kerajaan memperkenalkan rancangan-rancangan dan dasar-dasar pentadbiran yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti pentadbiran kerajaan.

Bagi memastikan kejayaan rancangan-rancangan dasar dan pentadbiran yang dilaksanakan itu, adalah perlu bagi kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan membuat susulan ke atas apa-apa jua rancangan dan pembaharuan yang mereka lakukan.

Sehubungan dengan ini, kementerian-kementerian hendaklah meneliti dan mengkaji struktur organisasi dan perancangan yang terdapat di dalam kementerian masing-masing.

Ini adalah bagi memastikan struktur organisasi dan perancangan dasar tersebut adalah memenuhi kehendak dan keperluan negara.

Ingin beta nyatakan di sini, adalah kurang berkesan dan kurang lengkap untuk hanya menilai prestasi individu dalam perkhidmatan kerajaan. Penilaian terhadap prestasi jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian tertentu di kementerian-kementerian adalah juga sangat diperlukan di dalam perkhidmatan negara.

Kerana di samping ingin melihat pemberian perkhidmatan kepada orang ramai di negara ini supaya dilakukan dengan cekap dan berkesan serta penuh dengan sifat-sifat pemedulian dan bersopan santun oleh kakitangan kerajaan di dalam pentadbiran akan digunakan dengan optimum, manakala matlamat asal peruntukan itu dapat dicapai dengan jayanya dan seterusnya mencegah amalan-amalan yang kurang berjimat cermat.

LIHAT MUKA 11



# Diplomasi benteng pertahanan yang utama — titah

# Seimbangkan perbelanjaan dengan pendapatan negara — titah

Sekian Wabillahit Taufiq Wal-Hidayah.  
Wassalamualaikum Warahamatullahi Waba  
rakatuh.



# ISTIADAT BARISAN KEHORMATAN SEMPENA HARI KEPUTERAAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima tabik hormat pasukan-pasukan perbarisan dengan panji-panji Kebawah Duli Yang Maha Mulla, Panji-panji Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Panji-panji Pasukan Polis Diraja Brunei serta pasukan-pasukan pertubuhan awam yang berjalan lalu di depan pentas diraja dalam gerak perlahan dan cepat (atas kiri). Sementara gambar kanan ketika baginda berkenan berangkat memeriksa pasukan-pasukan perbarisan yang mengambil bahagian di Istiadat tersebut.




BERANGKAT bersama baginda di Istiadat perbarisan itu ialah adinda-adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulla Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wai-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulla Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulla Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mai Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan.



KEBERANGKATAN tiba baginda di Istiadat perbarisan sempena hari keputeraan baginda yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin telah dijunjung dan dilalu-alukan oleh Yang Amat Mulla Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Grand Chamberlain.



PERBARISAN berjalan lalu di depan pentas diraja dalam gerak perlahan dan cepat dari pasukan-pasukan yang mengambil bahagian di Istiadat tersebut, dengan diketuai oleh Pemerintah Perbarisan, Letenan Kolonel Awang Haji Abas bin Haji Bagol (atas kiri). Sementara gambar kanan baginda berkenan menerima tabik hormat pasukan-pasukan pertubuhan awam yang beruniform dengan menaiki kenderaan khas.





# SEMPENA HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DYMM KE-44 TAHUN

## 95 ORANG DIKURNIAKAN BINTANG-BINTANG KEBESARAN

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam kepada 95 orang sempena hari keputeraan baginda yang ke-44 tahun di Istana Nurul Iman di sini.

Dari jumlah tersebut seorang telah menerima Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Dihormati Darjah Pertama - (D.K.); seorang menerima Darjah Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Pertama (S.P.M.B.); dua orang menerima Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Kedua - (D.S.S.U.B.); enam orang menerima Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua - (D.P.M.B.); tiga orang menerima Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Ketiga - (S.S.U.B.); 14 orang menerima Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Ketiga - (S.N.B.); seorang menerima Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Ketiga - (S.L.J.); 22 orang menerima Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga - (S.M.B.); 2 orang menerima Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Keempat (S.U.B.) dan 45 orang menerima Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Keempat (P.S.B.).

Mendahului senarai penerima Bintang-bintang Kebesaran di istiadat tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajjah Mazuin binti Hamzah yang menerima Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Dihormati Darjah Pertama - (D.K.).

Penerima-penerima Bintang-bintang Kebesaran Ne-



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua - (D.P.M.B.) kepada Yang Dimulikan Pehin Bendahari Haji Awang Matseruddin bin Pehin Tuan Imam Awang Abdul Rahman.

gara Brunei Darussalam adalah seperti berikut:

### DARJAH KERABAT LAILA UTAMA YANG AMAT DIHORMATI DARJAH PERTAMA - (D.K.)

Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajjah Mazuin binti Hamzah.

### DARJAH SERI PADUKA MAHKOTA BRUNEI YANG AMAT MULIA DARJAH PERTAMA - (S.P.M.B.)

Yang Berhormat Sir Ti Liang Yang.

### DARJAH SERI UGAMA ISLAM NEGARA BRUNEI YANG AMAT BERSINAR DARJAH KEDUA - (D.S.S.U.B.)

Penerima-penerima Bintang-bintang Kebesaran Ne-

Yang Dimulikan Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Setia Haji Awang Mohd. Tamin bin Abdul Hamid; Awang Haji Abang Razali bin Haji Abang Zainuddin.

### DARJAH SERI PADUKA MAHKOTA BRUNEI YANG AMAT MULIA DARJAH KEDUA - (D.P.M.B.)

Penglima Diraja Haji Awang Mohiddin bin Pengarah Perseh; Awang Haji Abdul Aziz bin Mohammad; Awang Othman bin Awang Damit; Yang Dimulikan Pehin Bendahari Haji Awang Matseruddin bin Pehin Tuan Imam Awang Abdul Rahman; Yang Dimulikan Begawan Pehin Khatib Haji Awang Maryasim bin Damit; Leftenan Kolonel Awang Ibrahim bin Haji Mohammad.

### DARJAH SERI UGAMA ISLAM NEGARA BRUNEI YANG AMAT BERSINAR DARJAH KETIGA - (S.S.U.B.)

Awang Haji Merussin bin Haji Baki; Awang Haji Salim bin Haji Besar; Awang Haji Abdul Rajid bin Abdul Kadir.

### DARJAH SETIA NEGARA BRUNEI YANG AMAT BAHAGIA DARJAH KETIGA - (S.N.B.)

Awang Ali bin Haji Hassan; Awang Haji Mohd. Yassin bin Ampuan Salleh; Awang Haji Mohamed Ali bin Bakar; Awang Haji Abu Bakar bin Sapor; Awang Haji Abang bin Sahat; Pengiran Haji Tengah bin Pengiran Dato Paduka Haji Metassim; Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Abd. Kahar; Pengiran Haji Abd. Momin bin Pengiran Damit; Damong Awang Haji Mohiddin bin Abdul Latif; Awang Sim Boon Kiat; DSP Haji Mohd. Suot bin Maksin;

Leftenan Kolonel Awang Haji Abas bin Haji Bagol; Mejar Awang Haji Mohd. Samid bin Haji Abd. Aziz; Datin Hajjah Misli binti Haji Awang.

### DARJAH PADUKA SERI LAILA JASA YANG AMAT BERJASA DARJAH KETIGA - (S.L.J.)

Awang Julaihi bin Haji Abd. Kadir.

### DARJAH SERI PADUKA MAHKOTA BRUNEI YANG AMAT MULIA DARJAH KETIGA - (S.M.B.)

Pengiran Haji Jamaluddin bin Pengiran Lampoh; Pengiran Haji Damit bin Pengiran Kalong - Pengiran Haji Othman bin Pengiran Haji Omar; 211 Kapten Awang Tamat bin Haji Lampoh; Datu Harimau Alam Awang Haji Besar bin Munaf; Ketua Juru Laki Awang Haji Yusof bin Mohammad; Pateh Awang Haji Masri bin Ismail; Awang Momin bin Haji Sawal; Awang Haji Damit bin Awang Haji Chuchui; Awang John Ang; Awang Teo Ah Hoon; Pengiran Haji Sharifuddin bin Pengiran Momin; Awang Haji Yusof bin Haji Daud; Awang Haji Asmahan bin Abdul Khan; Awang Mohammad bin Ismail; Awang Haji Kassim bin Adis; Mejar Awang Napiah bin Haji Pajjan; Mejar Awang Said bin Haji Saidin; Pegawai Waran 1 (FSM) Awang Haji Ahmad bin Mat Sahat; Pegawai Waran 2 Awang Tohara bin Yusof; Dayang Mastura binti Haji Mohsin; Dayang Hajjah Intan binti Haji Mohd. Kassim.

### DARJAH SERI UGAMA ISLAM NEGARA BRUNEI YANG AMAT BERSINAR DARJAH KEEMPAT - (S.U.B.)

Awang Haji Lamit bin Haji Ibrahim dan Awang Haji Zaimi bin Haji Talip.

### DARJAH SETIA NEGARA BRUNEI YANG AMAT BAHAGIA DARJAH KEEMPAT - (P.S.B.)

Awang Suyoi bin Othman; Awang Hepnie bin Abang Haji Abu Hanifah; Mulia Awang Haji Abdul Momin bin Sungoh; WO 2 Awang Bujang bin Haji Kadir; ASP Awang Haji Othman bin Mohd. Salleh; Sarjan 645 Awang Ahmad Daud bin Mohd. Idris; Awang Roslan bin Haji Suhaili; Awang Haji Saji bin Haji Mudin; Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof; Awang Haji Hazari bin Haji Abdullah @ Hazari; Awang Abd. Rahman bin Mohiddin; Awang Abdullah bin Haji Metassim; Awang Ang Ping Hui; Awang Lim Jock Hoi; Awang Ahmad bin Haji Rani; Awang Haji Bakri bin Haji Momin; Awang Haji Ishaaq bin Haji



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua - (D.P.M.B.) kepada Leftenan Kolonel Awang Ibrahim bin Haji Mohammad.

Abdullah @ Sahak; Awang Alias bin Dato Paduka Matnor; Awang Haji Basir bin Haji Matali; Awang Haji Jumat bin Abd. Rahim.


Awang Haji Tengah bin Haji Saman; Awang Haji Japar bin Dato Setiawan Haji Tinggal; Awang Md. Zain bin Haji Jaafar; Pengiran Haji Mohd. Salleh bin Pengiran Bungsu; Awang Haji Mislee bin Haji Abdullah; Awang Hasni bin Haji Abd. Hamid; Awang Haji Mahadi bin Haji Nasar; Awang Md. Aminuddin bin Dato Paduka Haji Abdul Wahab; Pegawai Waran 1 Awang Haji Adnan bin Haji Taha; Pegawai Waran 2 Awang Wasle bin Ahmad; Pegawai Waran 2 Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Jamudin; Pegawai Waran 2 Awang Mohd. Soud bin Haji

Mohd. Said; Pegawai Waran 2 Awang Haji Mohammad bin Ajamain; Pegawai Waran 2 Awang Yunos bin Japar; Pegawai Waran 2 Awang Haji Abdul Ahmid bin Md. Yusoph; Pegawai Waran 2 Awang Dulamit bin Burot.

Pegawai Waran 2 Awang Lamat bin Haji Libut; Pegawai Waran 2 Awang Ambran bin Haji Johari; S/Sjn 4621 Awang Razali bin Zainal; Awang Haji Sabli bin Haji Ahmad; Awang Haji Osman bin Duraman; Pengiran Haji Aliuddin bin Pengiran Ismail; Dayang Hajjah Nora'alia binti Pehin Dato Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abd. Rahim dan Dayang Hajjah Fatmah binti Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Ketiga - (S.N.B.) kepada Datin Hajjah Misli binti Haji Awang.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Ketiga - (S.N.B.) kepada Awang Ali bin Haji Hassan.



# SEMPENA HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DYMM KE-44 TAHUN

## Ucapan tahniah pemimpin luar

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanalk Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menjawat perutusan tahniah yang disampaikan ke hadapan majlis baginda daripada ketua-ketua negara dan pembesar-pembesar asing sempena ulang tahun hari keputeraan baginda yang ke-44 tahun pada 15 Julai, 1990 iaitu di antaranya daripada:

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II, Queen of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland; Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Azlan Shah, Yang Di-Pertuan Agong Malaysia; Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohammad, Perdana Menteri Malaysia; His Imperial Majesty Akhito, Maharaja Jepun; Tuan Yang Terutama Tuan Wee Kim Wee, Presiden Republik Singapura dan Yang Amat Berhormat Tuan Lee Kuan Yew, Perdana Menteri Singapura.

Puan Yang Terutama Presiden Corazon Aquino, Filipina; Tuan Yang Terutama Presiden George Bush, Amerika Syarikat; Tuan Yang Terutama Dr. Richard Von Weizsacker, Presiden Republik Persekutuan Jerman; Tuan Yang Terutama Tuan Said Mohammed Djohar, Presiden Republik Islam Comoros; Tuan Yang Terutama Tuan Zine Al-Abidine Ben Ali, Presiden Republik Tunisia; Tuan Yang Terutama Tuan Ghulam Ishaq Khan, Presiden Republik Islam Pakistan dan Puan Yang Terutama Puan Mohtarma Benazir Bhutto, Perdana Menteri Republik Islam Pakistan.

Tuan Yang Terutama Tuan R.Premadasa, Presiden Republik Sri Lanka; Duli Yang Maha Mulia Raja Hussein Ibn Talal, Raja Jordan; Duli Yang Maha Mulia Syekh Zayed bin Sultan Al-Nahayan, Presiden Emiriah Arab Bersatu dan Duli Yang Maha Mulia Syekh Rashid bin Saeed Al-Maktoum, Naib Presiden dan Perdana Menteri Emiriah Arab Bersatu.

Istiadat itu juga telah diserikan dengan 'Hormat Diraja' dan terbang lalu dari pasukan helikopter Tentera Udara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Berangkat sama di istiadat perbarisan sempena perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

## kebawah DYMM berkenan berangkat rasmi Pameran Kesenian Islam

KOTA BATU, 16 Julai. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanalk Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat merasmikan Pameran Kesenian Islam yang berlangsung di Muzium Brunei di sini hari ini.

Kebangkitan tiba baginda dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain, dan Timbalanya serta Pengarah Muzium-Muzium Brunei, serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan.

Baginda kemudiannya dijunjung oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk membuka tirai sebagai manandakan bermulanya Pameran Kesenian Islam yang penuh bersejarah.

Oleh  
Dk. Fatimah PHMN

Baginda seterusnya dijunjung untuk menyaksikan berbagai bahan pameran yang mengingatkan kepada kita tentang warisan Islam di dunia yang ditempatkan ketika ini di Barat dan tidak di Timur.

Salah satu pameran yang dikunjungi baginda ialah salinan Surah Al-Fatihah yang ditulis oleh baginda sendiri yang mendapat perhatian yang mendalam dari para ilmuwan dan orang ramai di negara ini dan luar negeri.

Barang-barang yang dipamerkan terdiri dari koleksi

baginda yang berunsurkan kesenian Islam dari kurun ke-18 dan akhir kurun ke-19. Koleksi itu termasuklah Al-Quran dan kaligrafi, tembikar, ukiran, barang-barang kemas, duit syiling dari negara-negara Timur, Eropah, China, Afghanistan, Asia Tenggara, India, Turki dan sebagainya.

Koleksi kesenian Islam milik baginda itu bersama koleksi yang sedia ada di Muzium Brunei akan sentiasa memberikan ingatan tentang warisan Islam bagi generasi akan datang sejak kedatangan Islam di kawasan ini dalam abad ke-15 dan penerimaannya sebagai agama rasmi negara dan peranan negara kita yang semakin aktif dalam dunia Islam.

Pameran ini juga menerangkan fakta dan juga amalan kebudayaan dan agama manusia. Generasi akan datang hanya boleh membuat penilaian yang kukuh mengenai masa lampau jika maklumat yang mereka terima dapat dibuktikan dengan bantuan sumber-sumber rujukan tertulis dan lain-lain sumber visual dari era terdahulu.

Adakah harus Negara Brunei Darussalam mempunyai pusat Islam yang mengumpulkan nanti khazanah khazanah kesenian Islam? Ketika ditemui Pengerusi Lembaga Bandar, Bandar Seri Begawan, Pengiran Dato Paduka Haji Jaludin bin Pengiran Mohd. Limbang berpendapat, berdasarkan Pameran Kesenian Islam yang dipamerkan ketika ini memanglah kena pada tempatnya untuk menubuhkan pusat Islam di negara ini khususnya bagi mengumpulkan warisan Islam.

"Negara kita sendiri yang mengamalkan konsep negara Melayu Islam Beraja sudah sewajarnya untuk menubuhkannya bagi menyenangkan para ilmuwan dan para pelajar untuk mengadakan penyelidikan yang mendalam tentang warisan Islam di dunia," ujar beliau.

Dayang Charity Hpell, yang kebetulan berada di negara ini, berpendapat, memang kena masanya, pusat Islam ditubuhkan memandangkan Negara Brunei Darussalam sudah menerima kedatangan Islam sejak abad ke-15.

Pameran Kesenian Islam diadakan adalah sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kali ke-44 tahun.

## Tunjukkan perkhidmatan yang efisien, cekap

Dari muka I

"Cuma tinggal saja lagi sejauh manakah pelaksanaan rancangan itu dapat mengatasi kesulitan-kesulitan rakyat mestilah juga dikaji dan dikenal pasti umpamanya tentang golongan-golongan yang berpendapatan rendah, yang kurang atau tidak berupaya langsung untuk memenuhi syarat-syarat yang dikenakan, apakah tidak mustahak bagi pihak-pihak berkenaan di dalam kerajaan menambahkan kajian dan penelitian lagi sehingga kesulitan-kesulitan rakyat itu benar-benar dapat diuraikan dengan saksama dan berkesan," titah baginda.

Baginda melafazkan titah mengenai perkara itu di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran sempena ulang tahun hari keputeraan baginda yang ke-44 di Balai Singgahsana Istana Nurul Iman.

Di samping menyentuh masalah perumahan itu, baginda juga menarik perhatian pihak-pihak berkenaan mengenai pembinaan dan pemeliharaan jalan-jalan raya di negara ini.

Baginda bertitah, pembinaan dan pemeliharaan jalan-jalan raya amat mustahak diawasi dari masa ke semasa supaya ketahanan dan kebersilannya terjamin.

"Jalan-jalan raya yang bersih dan sistematik boleh menjadi punca atau sumber kesulitan

dan kelesaan yang amat berguna dan jika perlu bagi tujuan ini kita tidak salah untuk membuat kawalan-kawalan seperti melalui peraturan-peraturan yang tertentu sebagaimana juga terdapat di negara-negara lain yang membuat peraturan seperti itu," titah baginda.

Mengenai air, elektrik dan telefon, baginda bertitah, ketiga-tiga keperluan asas ini sangat-sangat diutamakan oleh kerajaan dengan membelanjakan wang yang begitu banyak bagi sistem bekalan dan pengawalannya.

Baginda berharap, pihak-pihak yang mengendalikan perkhidmatan-perkhidmatan itu dapat menunjukkan perkhidmatan-perkhidmatan yang efisien dan berkesan setimpal dengan perbelanjaan-perbelanjaan yang besar itu sehingga pada akhirnya dapatlah kita mengatasi kelemahan-kelemahan dan kesulitan-kesulitan yang dihadapi selama ini," titah baginda.

"Beta berharap kita bukan saja pandai berbelanja tetapi juga dapat menunjukkan perkhidmatan-perkhidmatan yang efisien dan berkesan setimpal dengan perbelanjaan-perbelanjaan yang besar itu sehingga pada akhirnya dapatlah kita mengatasi kelemahan-kelemahan dan kesulitan-kesulitan yang dihadapi selama ini," titah baginda.

Sejajar dengan dasar kerajaan melaksanakan peran-

cangan dan perkembangan pentadbiran mengikut kemampuan dan keutamaan, di sepanjang tahun 1989 dan 1990 berbagai perkembangan telah dapat dilakukan, antara lain, pembukaan sebuah cawangan perbendaharaan (sub-treasury di Daerah Temburong).

Baginda bertitah, dengan penubuhan cawangan itu, ia akan dapat memberikan kemudahan kepada rakyat dan penduduk di Daerah Temburong untuk berurusan dengan pejabat kewangan dalam membuat pembayaran atau menerima pembayaran yang sebelumnya mereka terpaksa ke Bandar Seri Begawan untuk membuat urusan-urusan kewangan

mereka.

"Insya-Allah, perkhidmatan seperti ini akan sentiasa diberikan perhatian oleh kerajaan bagi menampung keperluan semasa," titah baginda.

Menyentuh mengenai kesihatan, baginda bertitah, dasar kerajaan mengenai hal itu ialah menuju ke arah matlamat 'Kesihatan Untuk Semua' (Health for All) menjelang abad ke-21.

"Beta berharap untuk mencapai matlamat yang luhur ini, rancangan-rancangan perlulah dibuat di samping perkhidmatan-perkhidmatan yang jujur lagi cekap oleh semua peringkat pegawai dan kakitangan yang berkenaan," titah baginda.

## Tingkatkan semangat k'sama

Dari muka I

"Dengan adanya latihan dan bimbingan yang menekankan ciri-ciri hidup berdisiplin, beradab lembaga dan beragama akan dapat melengkapkan bagi belia-belua dan generasi-generasi muda kita untuk menghadapi cabaran-cabaran masa depan dan seterusnya untuk memperkukuhkan kemerdekaan dan kedaulatan bangsa dan negara serta kesucian agama," titah baginda.

Baginda jua bertitah menekankan perlunya sikap bertolak ansur dan hormat-menghormati di antara pihak kerajaan, swasta dan orang ramai.

"Sikap bertolak ansur dan hormat-menghormati perlu terus dipupuk di antara pihak kerajaan, swasta dan orang ramai kerana tanpa persefahaman di kalangan pihak-pihak yang beta nyatakan itu ianya tidak akan dapat mewujudkan kestabilan sosial dan politik mahupun juga kelancaran di dalam melaksanakan rancangan-rancangan kemajuan dan pembangunan," titah baginda.

Baginda bertitah, tanpa tolak ansur dan kesediaan untuk bermuafakat akan menimbulkan suasana keruh dan syak wasangka yang merugikan, yang boleh menggugat keselamatan dan kestabilan negara.

"Oleh kerana itu, amatlah perlu bagi ketiga-tiga pihak iaitu kerajaan, swasta dan orang ramai mengamalkan sikap berterus terang secara ikhlas dan jujur yang membina di dalam menyelesaikan dan mengatasi apa jua masalah," titah baginda.

Dalam konteks ini, baginda bertitah, orang-orang yang diamanahkan dengan tanggungjawab dan kewajipan sama ada dalam kerajaan mahupun dalam masyarakat pada amnya, hendaklah mempunyai semangat bekerjasama yang kukuh sambil berusaha melenyapkan perasaan memementingkan diri sendiri.

"Hanya dengan semangat bekerjasama di antara satu dengan yang lain saja kita akan dapat melahirkan masyarakat yang bersatu padu dan harmoni," titah baginda.

Bagi pembentukan masyarakat yang mempunyai nilai-nilai yang positif untuk menjamin masa depan rakyat di negara ini, titah baginda, soal latihan dan bimbingan untuk mereka perlu diambil perhatian yang sewajarnya.

Latihan dan bimbingan itu, titah baginda, haruslah dilaksanakan secara berterusan untuk semua golongan masyarakat khusus bagi belia-belua dan pegawai-pegawai serta kakitangan kerajaan dan pihak swasta dan juga dilancarkan juga kepada penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung.

### SAMBUNGAN DARI MUKA 11

ka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-44 tahun ialah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara

Brunei Darussalam; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan Negara Brunei Darussalam.



# Meningkatkan kemahiran matematik kalangan pelajar

GADONG, 7 Julai. — Pengarah Jabatan Perkembangan Kurikulum, Pengiran Hajjah Mariam binti Pengiran Haji Metarsat berkata, berbagai usaha sedang giat dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan bagi mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran matematik di kalangan pelajar-pelajar dan guru-guru di negara ini.

Katanya, sejak diisytiharkan tahun 1990 sebagai Tahun Pemikatan Matematik di negara ini oleh Menteri Pendidikan pada bulan Oktober 1989, berbagai aktiviti yang berhubung dengan pemikatan matematik telah dilaksanakan.

"Tujuan utama aktiviti-aktiviti matematik itu diadakan ialah untuk menjadikan mata pelajaran matematik sebagai satu mata pelajaran yang dapat memikat dan menarik minat pelajar-pelajar dan guru-guru untuk mempelajarinya supaya pengetahuan dan kemahiran matematik itu dapat dipertingkatkan pencapaiannya di negara ini," katanya ketika merasmikan Pameran Keindahan Fraktal di Universiti Brunei Darussalam di sini.

Selain itu, katanya, penelitian dan penyemakan sukatan-sukatan pelajaran dan bahan-bahan kurikulum matematik sekolah-sekolah rendah dan menengah juga giat dilaksanakan oleh Jabatan Perkembangan Kurikulum.

Menurutnya lagi, beberapa kajian telah diusahakan untuk mengenal pasti kesesuaian bahan-bahan tersebut dari segi relevan, skop dan urutan kesinambungannya mengikut peringkat-peringkat persekolahan.

"Di samping itu secara berperingkat-peringkat guru-

Oleh  
Haniza Abdullah

guru sekolah rendah diberi peluang mengikuti bengkel matematik yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perkembangan Kurikulum pada tahun lepas, pada tahun ini bengkel yang sama telah diadakan baik sahaja Persidangan Matematik SEACME 5 selesai iaitu bermula dari 18 Jun dan dijangka akan berakhir pada bulan September ini," ujarnya.

Melalui bengkel-bengkel ini katanya akan memberi peluang pegawai-pegawai dan guru bertukar-tukar pengalaman di samping pendedahan kepada idea-idea dan beberapa teknik-teknik pengajaran yang boleh disesuaikan dengan kebolehan pengalaman kehidupan sehari-hari kanak-kanak dan alam persekitaran mereka agar pelajaran tersebut akan diminati dan digemari.

Pameran Keindahan Fraktal adalah koleksi gambar-gambar yang dihasilkan oleh komputer berdasarkan prinsip fraktal dalam memperlihatkan percubaan-percubaan matematik yang harus menarik minat setiap orang selain dari pakar-pakar matematik.

Ciptaan-ciptaan ini adalah hasil model matematik dan komputer teknologi matematik yang digunakan bagi menghasilkan gambar-gambar yang telah diketahui sejak lebih 100 tahun akan tetapi tidak dapat diperolehi melainkan setelah adanya komputer moden.

Pameran dua minggu ini akan dibuka untuk kunjungan orang ramai bermula jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang sehingga 19 Julai depan.



MAJLIS Bertahli dan Membaca Doa Kesyukuran sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-44 tahun telah diadakan di masjid-masjid utama, masjid-masjid dan surau-surau di seluruh negara. Di Masjid Omar Ali Saifuddin sembahyang berjemaah fardu Maghrib telah dilimpahkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Haji Othman (gambar atas). Juga hadir di majlis itu ialah Pengiran-pengiran Cheteria, menteri-menteri kabinet dan rakyat dan penduduk di negara ini.

## Saudara-saudara baru perlu siapkan diri

Oleh  
Haniza Abdullah

PULAU, 8 Julai. — Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Paduka Ustaz Awang Haji Abdul Saman bin Kahar berkata saudara-saudara baru perlu menyiapkan diri supaya penglibatan mereka dalam gerakan keagamaan mencapai kejayaan.

Katanya, sebagai sebahagian daripada umat Islam, saudara-saudara baru memanglah perlu menyiapkan diri mereka supaya penglibatan mereka dalam gerakan keagamaan di negara ini akan lebih bermutu, berkesan dan mencapai kejayaan.

Berucap ketika merasmikan majlis perjumpaan saudara-

saudara baru sempena sambutan Hari Raya Haji di Pusat Da'wah Islamiah di sini katanya, langkah pertama yang patut diambil berat terus-menerus oleh saudara-saudara baru ialah mempergunakan segala kemudahan belajar agama yang telah disediakan oleh pihak kerajaan bagi membolehkan mereka mendalami ajaran-ajaran agama Islam.

Langkah lain yang perlu difikirkan semasa-masaknya oleh saudara-saudara baru katanya, ialah bagaimana memperkukuhkan hubungan sesama sendiri, kerana dalam perkara ini Pusat Da'wah Islamiah khasnya dan Kementerian Hal Ehwal Ugama amnya sangat mendorong dan mengambil berat akan penubuhan badan-badan kebajikan saudara-saudara baru.

"Apa yang kita harapkan ialah mudah-mudahan badan-badan kebajikan serupa itu akan sentiasa dapat dipergunakan selaras dengan peraturan-peraturan kerajaan dan menjadi gelanggang bagi saudara-saudara baru memikirkan penglibatan mereka yang lebih teratur dan berkesan untuk memeduli dan meninggikan tarap kehidupan masing-masing bagi seterusnya menyumbangkan tenaga bakti dan buah fikiran bagi kemajuan Islam keseluruhannya," katanya.

Menurutnya, Pusat Da'wah Islamiah dan Kementerian Hal Ehwal Ugama berharap dengan memberikan perhatian yang berat seumpama



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam, Dato Paduka Ustaz Awang Haji Abdul Saman bin Kahar ketika menyampaikan hadiah kepada salah seorang saudara baru di majlis perjumpaan tersebut.

ini, suatu peringkat nanti saudara-saudara baru akan dapat mengendalikan sendiri hal ehwal kebajikan di sekitar mereka.

"Oleh itu sedikit demi sedikit dan secara berperingkat-peringkat, hal-hal kebajikan saudara-saudara baru itu perlu diambil alih dan dikendalikan sendiri oleh mereka pada akhirnya, kerana kita ingin menampakkan bahawa mereka bukanlah kelas kedua dalam senarai kaum Muslimin di negara ini dan kita ingin menampakkan bahawa mereka adalah orang-orang yang mampu memikul tanggungjawab dan berkecimpung dalam perkembangan Islam di ne-

gara ini," ujarnya.

Lebih dua ratus orang saudara-saudara baru dari seluruh negara menghadiri majlis perjumpaan pada pagi itu.

Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Ustaz Awang Haji Mohd. Amin berkata bertujuan bagi memberikan peluang kepada saudara-saudara baru merapatkan lagi hubungan silaturrahim di kalangan mereka di samping diharapkan mereka mengeratkan lagi komitmen mereka kepada agama Islam dan ajarannya sebagai asas kepada mereka dalam memberikan sumbangan kepada kemajuan agama Islam di negara ini pada masa akan datang.



PENGARAH Jabatan Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan, Pengiran Hajjah Mariam binti Pengiran Haji Metarsat diringi oleh Setiausaha Kedua Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yochem menyaksikan pameran keindahan fraktal. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.



## UTUS TAHNIAH

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 Julai. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Republik Perancis, Tuan Yang Terutama, Tuan Francois Mitterrand dan Perdana Menteri Republik Perancis, Tuan Yang Terutama, Tuan Michel Rocard sempena Hari Bastille yang disambut hari ini.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri juga telah berkenan menghantar perutusan yang sama kepada Menteri Hal Ehwal Luar Republik Perancis, Tuan Yang Terutama Tuan Roland Dumas.

# Kehidupan beragama, beraja wujudkan suasana harmoni dan stabil

## DUNIA LUAR KAGUMI NEGARA KITA — titah

Oleh Abd. Karim HAB dan Bolhassan HAB



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam ketika berkenan berangkat ke Istiadat Persantapan Diraja di Istana Nurul Iman.

## Berangkat ke Istiadat Persantapan Diraja

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam telah berkenan berangkat ke Istiadat Persantapan Diraja bertempat di Istana Nurul Iman sempena hari ulang tahun keputeraan baginda, yang ke-44 tahun.

OLEH  
DK. FATIMAH PHMN

Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Norhayati; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Norain; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam serta kerabat diraja yang lain.

Di istiadat tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan bintang-bintang kebesaran Negara Brunei Darussalam kepada 45 orang penerima.

Menyerikan Istiadat Persantapan Diraja ialah persembahan pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan persembahan bunga api yang berwarna warni.

## Kaji dan teliti struktur organisasi masing-masing — titah

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini menitahkan pihak-pihak berkenaan supaya meneliti dan mengkaji struktur organisasi dan perancangan yang terdapat di dalam kementerian masing-masing.

Langkah itu, titah baginda, bagi memastikan struktur organisasi dan perancangan dasar yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti pentadbiran kerajaan memenuhi kehendak dan keperluan negara.

Baginda bertitah, kerajaan tahun demi tahun memperkenalkan rancangan-rancangan

dan dasar-dasar pentadbiran yang bertujuan meningkatkan kualiti pentadbiran kerajaan.

Bagi memastikan kejayaan rancangan-rancangan dasar dan pentadbiran yang dilaksanakan itu, titah baginda, adalah perlu bagi kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan membuat susulan ke atas apa-apa jua rancangan dan pembaharuan yang mereka lakukan.

"Ingin beta nyatakan di sini adalah kurang berkesan dan kurang lengkap untuk hanya menilai prestasi individu dalam perkhidmatan kerajaan," titah baginda di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran di Balai Singgahsana Istana Nurul Iman di sini.

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menegaskan, berlandaskan kehidupan beragama dan beraja, kita telah dapat menikmati keamanan dan kebahagiaan yang sebenar-benarnya dan dapat mewujudkan suasana harmoni dan stabil.

Menurut baginda, cara kehidupan yang kita amalkan selama ini telah dikagumi oleh dunia luar sama ada jauh mahupun dekat.

"Berlandaskan kehidupan beragama dan kehidupan beraja ini, kita telah berjaya melahirkan suasana yang harmoni dan stabil, jauh daripada kacau-bilau, sunyi daripada hasad dengki dan fitnah-memfitnah seperti perbuatan suka mengadakan perkara yang tidak benar dengan tujuan membersihkan diri, lebih-lebih lagi dengan cara memburukkan orang lain," tegas baginda ketika bertitah di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran di Balai Singgahsana Istana Nurul Iman di sini.

Cara tersebut, tegas baginda, adalah salah dan mestilah

dicegah, sebaliknya kehidupan cara-cara orang Brunei yang kuat beragama dan taat beraja mestilah kita teruskan dan jangan siapa-siapa yang cuba mencemarinya kerana kita tidak boleh bertolak ansur walau sedikitpun dengan orang yang cuba mengeruhkan suasana yang sedia biasa dan tenteram ini tidak kira sama ada percubaan itu setakat kata-kata apatah lagi dengan perbuatan.

Baginda seterusnya berharap corak kebruneian yang tulen akan lebih diperkuatkan lagi iaitu dengan cara terus memelihara dan memajukan syiar Islam yang suci melalui apa jua saluran yang sedia ada.

Di antara saluran-saluran tersebut ialah seperti sekolah-sekolah agama dan institusi-institusi pengajian agama yang mana ianya amat diminati oleh sebahagian besar umat Islam di negara ini.

Di antara langkah-langkah menuju ke arah tersebut, titah baginda ialah seperti menggalakkan pengambilan penuntut-penuntut sekolah Arab dengan lebih ramai lagi, mengkaji dari masa ke semasa kurikulum dan sukatan-sukatan pelajaran sehingga ianya benar-benar bersesuaian dengan keperluan jangka panjang. Termasuk di antara keperluan-keperluan itu ialah untuk mendapatkan lulusan-lulusan agama yang lebih ramai dan berkualiti di samping sebelum itu perlu pula dipastikan bahawa penuntut-penuntut itu akan beroleh kemudahan-kemudahan yang selayaknya untuk mereka dapat melanjutkan ke peringkat yang lebih tinggi.

Perkara ini hendaklah diusahakan bukan hanya setakat kita menghantar dan melepaskan mereka memasuki mana-mana pusat pengajian sedang keadaan misalnya kurang memungkinkan untuk mereka beroleh kejayaan yang diharap-harapkan. Jika terdapat perkara yang seumpama itu, tegas baginda, kajian dan perundingan mengenainya adalah mustahak.

Baginda juga menyentuh mengenai saluran yang tidak kurang pentingnya iaitu Majlis Ugama Islam yang mana menurut baginda majlis tersebut akan terus berfungsi kerana ia sangat penting untuk menasihatkan baginda di dalam apa jua perkara yang berkaitan dengan hal ehwal agama.

## KITA BERUNTUNG MEMPUNYAI SEORANG RAJA YANG BIJAKSANA LAGI PEMEDULIAN